

**8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KETIGA (BAJET)**

---

**SHAH ALAM, 8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.  
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
**Bentara**

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi  
Puan Nur Syahira Shazrin binti Mat Rohani  
**Pelapor Perbahasan**

**8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Keempat Belas pada 8 November 2019 dimulakan dengan bacaan doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismillahirrahmanirrahim.* Bacaan doa.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER :** Salam sejahtera, selamat pagi. Saya mempersilakan Yang Berhormat Sungai Ramal.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Tuan speaker, yang mengikut Peraturan Tetap 24(2) soalan no.69.

**TUAN SPEAKER :** Saya benarkan. Silakan pihak kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR  
(N26 SUNGAI RAMAL)**

**TAJUK : KAWASAN STESEN KTM UKM BANGI**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kawasan di sekitar Stesen Komuter UKM Bangi sering dilanda banjir dan mengalami kesesakan trafik dan pengguna yang padat. Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini?
  
- b) Bilakah perancangan ini, sekiranya ada akan dilaksanakan?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Tuan Speaker. Pihak MPKj bercadang untuk menaiktaraf jalan di kawasan estet termasuk menaiktaraf kawasan sekitar Stesen Komuter UKM Bangi bagi penguraian aliran trafik. Pihak MPKj masih dalam proses penelitian cadangan tersebut sebagai langkah bagi mengatasi masalah banjir. Bagi masalah banjir, Stesen Komuter UKM Bangi bagi penguraian aliran trafik. Pihak pemaju B&G Sdn. Bhd. telah menaiktaraf sistem perparitan di Sungai Tangkas sehingga sempadan UKM. Cadangan projek menaiktaraf tersebut masih dalam peringkat penelitian dan pelaksanaan projek akan menggunakan Sumbangan Pemaju di bawah Tabung Amanah Infrastruktur.

**8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**TUAN SPEAKER :** Semenyih.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Iya, Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Mengikut Peraturan Tetap 24(2), soalan saya no.70.

**TUAN SPEAKER :** Pagi ini super aktif. Saya benarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : GOLONGAN B40**

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah keluarga dalam golongan sasar B40 yang telah berdaftar dengan E-KASIH.
- b) Senaraikan program IPR yang boleh dimohon untuk golongan B40 dan M40 selepas pensejajaran semula oleh Kerajaan Negeri.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Jeram yang menggunakan soalan Semenyih. Pertamanya sejumlah 40,469 Ketua Isi Rumah (KIR) yang berdaftar di Negeri Selangor di bawah Program eKasih atau berdaftar di Program eKasih. 40,469 Ketua Isi Rumah, bermakna kalau Ketua Isi Rumah ini boleh disimpulkan 40,469 keluarga. Ia merujuk keluarga sebab soalan yang di gariskan oleh pihak Semenyih adalah berkenaan dengan keluarga.

Untuk soalan (b), senaraikan IPR yang boleh dimohon di bawah golongan B40 dan M40. Untuk makluman Yang Berhormat Semenyih, program IPR merupakan program jangka panjang yang bersifat holistik dan tidak hanya menjanjikan pemberian bantuan kebajikan semata-mata. Tetapi memberi daya melalui pemerkasaan kepada penerima manfaat yang terdiri daripada golongan B40 dan M40. Antara program-program yang boleh didaftarkan terus melalui kepada kumpulan B40 ialah Kasih Ibu Smart Selangor, Skim Air Darul Ehsan, Bantuan Am Kebajikan, Bantuan Bina Rumah dan Baiki Rumah, Program Jom Shopping, Peduli Sihat, Bantuan Sihat Selangor, Program Tuisyen Rakyat, Dana Usahawan Mikro Selangor dan Program Blueprint. Manakala dan juga Skim Smart Smart Sewa. Manakala program yang boleh didaftarkan kepada M40 ialah Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar (Asuh Pintar) untuk anak-anak di taska, Hadiah Pengajian IPT kepada kelompok M40, dimana kerajaan telah meningkatkan kepada RM5,000 pendapatan isi rumah, Skim Rumah Selangorku kepada M40 (umum kelayakan tidak melebihi RM10,000 isi rumah) dan juga program-program lain yang diletakkan seperti Hijrah, kerana Hijrah bukan meletakkan tangga gaji tetapi bagaimana pendapatan perniagaan. Selain itu ada program ada Program

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Dana Usahawan Mikro, Dana Usahawan Mikro juga tidak melihat kepada tangga gaji tetapi kepada pendapatan, sejauh mana pendapatannya ataupun kitaran niaga sesuatu perniagaan. Jadi, tidak betul kalau kita tidak memberikan bantuan kepada M40 sebaliknya kita juga memberikan bantuan kelompok M40.

Program-program untuk Tuisyen Rakyat sebagai contoh juga melihat kepada mereka yang memerlukan dan pendapatan yang rendah ataupun pencapaian yang agak rendah. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan kalau saya boleh gariskan 3 Dewan Negeri yang mempunyai pendaftaran eKasih paling tinggi iaitu Sungai Burong (1916), Batang Kali (1874) dan Sungai Panjang (1674). Secara rekodnya penggal yang lepas ini semua punya BN punya DUN. Dan DUN yang paling rendah pendaftaran eKasih ialah Bukit Gasing (38), Kampung Tunku (89) dan Teratai (123) orang. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Speaker. Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Iya, Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tadi sebab Yang Berhomat memasukkan juga penerima Insentif Air Selangor di bawah B40 sedangkan B40 kita sehingga RM6,000 lebih pendapatan begitu juga dengan penerima M40 Yang Amat Berhormat memasukkan penerima insentif sumbangan masuk universiti juga di dalam M40 sedangkan insentif untuk pelajar masuk universiti adalah di bawah RM5,000 yang boleh memohon.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Ya, itu mengikut takrifan M40 dan B40 yang telah diberikan oleh pihak terbabit Lembaga Hasil dan juga oleh kementerian ataupun *federal* pada penggal yang lepas. Tapi kita juga sedang melihat takrifan baru yang cuba disenaraikan oleh pihak Penasihat Ekonomi Perdana Menteri baru-baru ini yang cuba ingin mendetaikan lagi di dalam M40 itu bukan hanya ada M40 tetapi ada M30 di bawah, di B40 itu ada B yang lain. Sebab itu kita cuba lihat juga walaupun pendapatannya tidak sampai RM6,000, RM5,000 masih boleh digolongkan sebagai pendapatan isi rumah yang mampu walaupun tidaklah semampu dan tidaklah separah yang pendapatan RM2000 dan ke bawah. Sebab itu kita masih golongkan penerima hadiah IPT sebagai contoh, sebagai kelompok M40 daripada taksiran daripada kerangka Kerajaan Negeri. Selain itu, program-program baru seperti Selangor *Brain Bank* (BITARA) ia bukan hanya diletakkan kepada mereka yang berpendapatan rendah tetapi mengikut pencapaian akademik mana-mana calon yang diberikan. Kalau boleh saya jawab begitu. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN :** Soalan tambahan. Kita sedia maklum petugas untuk mendaftarkan eKasih ini daripada ICU agak terhad dan kita juga difahamkan ada lantikan-lantikan baru untuk petugas untuk melancarkan lagi pendaftaran eKasih. Jadi apakah status lantikan tersebut dan berapa orang yang telah dilantik? Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Statusnya kita telah melantik jumlahnya nanti saya rasa kita akan *detaikan* sebab ia di bawah Yang Berhormat Seri

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Serdang yang mempunyai angka penolong-penolong pendaftar eKasih. Sebab eKasih ini memerlukan prosedur yang agak ketat, mereka perlu pergi ke rumah, mendaftarkan, melihat sendiri kedudukan status penerima-penerima ataupun pendaftar-pendaftar dalam program eKasih. Sebab itu mereka perlu betul-betul turun ke padang dan turun ke bawah. Memang telah didaftarkan, senarainya ada nanti saya ingat Seri Serdang boleh maklumkan kepada Morib jika Morib ingin maklum.

**TUAN SPEAKER :** Saya persilakan Kota Anggerik.

**Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN :** Tuan Speaker, saya menggunakan Peraturan Tetap 24(2) untuk soalan no.71, Kota Anggerik.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih. Saya benarkan. Silakan pihak kerajaan.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

#### **TAJUK : BUDAYA HIDUP SIHAT**

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha serta inisiatif Kerajaan Negeri untuk menggalakkan rakyat mengamalkan budaya hidup sihat?
  
- b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menangani masalah kegemukan dan obesiti yang semakin tinggi di kalangan penjawat awam negeri?

**Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri memang menitikberatkan kesihatan dalam pentadbiran negeri dan ini terbukti dengan perancangan pelbagai program yang menjurus ke arah tersebut. Di antara program terbesar bagi menggalakkan rakyat mengamalkan gaya hidup sihat adalah program Karnival 3W (*Wellness, Welfare & Women*). Melalui program ini, rakyat akan didedahkan dengan pelbagai tema kesihatan yang akan ditonjolkan semasa karnival dijalankan. Tema kesihatan yang dipilih akan diterjemahkan di dalam aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan sepanjang Karnival 3W itu berlangsung. Di antara tema kesihatan yang telah dianjurkan semasa Karnival 3W adalah Hari Kanser, Hari Buah Pinggang, Hari Kesihatan Sedunia, Hari Tanpa Tembakau, Hari Denggi, Hari Pemakanan Sihat, Hari Jantung dan sebagainya. Pemilihan tema kesihatan ini secara tidak langsung akan mendidik masyarakat supaya lebih peka terhadap penjagaan kesihatan dan memperolehi *info* lebih spesifik terhadap isu kesihatan yang diketengahkan.

Melalui Karnival 3W ini juga turut diadakan aktiviti 10,000 langkah yang akan diadakan pada awal pagi. Penyertaan aktiviti 10,000 langkah ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung-pengunjung yang hadir. Program pengurusan berat badan iaitu Slim Selangor 3W turut dilaksanakan dan ianya terbuka kepada orang awam untuk menyertainya. Selain daripada aktiviti fizikal, turut diadakan forum-forum kesihatan,

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

pameran kesihatan, pemeriksaan kesihatan percuma dan sebagainya. Penganjuran Karnival 3W ini boleh disimpulkan sebagai karnival kesihatan menyeluruh kerana pengunjung boleh mendapatkan pelbagai *info* dan aktiviti kesihatan percuma.

Selain daripada itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) turut berganding bahu dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti berunsurkan kesihatan di dalam kawasan pentadbiran masing-masing. Sebagai contoh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menganjurkan Hari Tanpa Kenderaan pada setiap bulan untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan menggalakkan rakyat untuk memelihara alam sekitar. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lain juga turut tidak terkecuali dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti kesihatan seperti acara larian, kayuhan basikal dan sebagainya. Penganjuran Bulan Sukan Negara di peringkat daerah juga turut diadakan bagi mempromosikan gaya hidup sihat dan mengajak rakyat untuk lebih kerap bersukan pada bulan penganjuran tersebut.

Kerajaan Negeri akan terus merangka program-program dan inisiatif-inisiatif terbaru berdasarkan bajet yang dibentangkan bagi memastikan rakyat beroleh manfaat dalam memacu gelombang kesedaran penjagaan kesihatan yang sempurna.

Kerajaan Negeri juga sentiasa menyambut baik semua program-program yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan untuk orang awam termasuklah penguatkuasaan pencegahan merokok di dalam premis-premis restoran.

Melalui program Slim Selangor yang telah diperkenalkan pada awal tahun 2019, beberapa aktiviti telah direncanakan untuk menggalakkan penjawat awam mengamalkan gaya hidup sihat dalam mengurangkan masalah kegemukan dan obesiti yang menjadi punca kepada pelbagai jenis penyakit. Program-program kesihatan yang melibatkan penjawat awam ini adalah lebih bersifat kepada program pencegahan untuk mengurangkan kadar penyakit tidak berjangkit seperti obesiti. Aktiviti utama di bawah program Slim Selangor adalah Slim Selangor Intensif di mana aktiviti ini terbuka kepada kakitangan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) yang mempunyai berat badan berlebihan dan melebihi kadar *Body Mass Index* (BMI) yang sepatutnya. Peserta yang terpilih akan menjalani 12 kali sesi latihan intensif bersama jurulatih profesional yang dilantik selama 3 bulan. Peserta yang berjaya mencatatkan penurunan berat badan tertinggi akan diberi penghargaan pada akhir program kelak.

Selain daripada aktiviti Slim Selangor intensif di bawah kerangka Program Slim Selangor turut diperkenalkan aktiviti senam sihat. Senam Sihat Selangor di mana program ini terbuka untuk semua penjawat awam Negeri Selangor bagi mengikuti satu aktiviti senaman yang akan turut dipimpin oleh juru latih profesional. Aktiviti senaman ini akan diadakan di lobi SUK selama satu (1) jam pada setiap hari Selasa setiap minggu selepas waktu kerja.

Penganjuran senam sihat ini secara tidak langsung akan menggalakkan semua kakitangan dan penjawat awam untuk mengamalkan dan membudayakan aktiviti fizikal bagi mengekalkan berat badan ideal. Selain daripada itu, dalam usaha untuk menggalakkan pengambilan makanan berkhasiat aktiviti Slim Selangor, makanan sihat turut diadakan bagi memastikan penjawat awam mengamalkan pemakanan yang sihat dan seimbang dalam kehidupan harian. Aktiviti ini lebih menjurus ke arah kempen kesedaran, pengambilan makanan berkhasiat. Selain daripada itu, semua jabatan turut digalakkan merujuk kepada

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

panduan penyajian hidangan sihat semasa mesyuarat edisi kedua yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tujuan sajian makanan semasa mesyuarat dan majlis rasmi.

Keseluruhan aktiviti di bawah kerangka Program Slim Selangor akan diteruskan dan ditambah baik bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam usaha untuk menggalakkan penjawat awam mengamalkan gaya hidup dan pemakanan sihat dan seterusnya mengatasi masalah kegemukan dan obesiti. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAID BIN ROSLI :**

Yang Berhormat soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAID BIN ROSLI :**

Terima kasih Tuan Speaker. Saya tertarik dengan aktiviti ataupun riadah gaya hidup sihat yang mana nak tanya lah pada Yang Berhormat EXCO-EXCO apabila Dewan menganjurkan sukan untuk ADUN-ADUN ya aktiviti riadah kurang sambutan daripada EXCO-EXCO sendiri dalam mengikuti aktiviti-aktiviti riadah yang dianjurkan oleh ADUN. Apa komen Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :**

Terima kasih Yang Berhormat Jeram. Sebenarnya bila waktu bila diadakan, waktu diadakan program itu kebanyakannya kita, EXCO-EXCO sudah ada commitment program-program yang di bawah kita ya. Jadi kalau saya tengok lah menembak, bowling tak banyak hilang kalori nya ya. (Ketawa). Jadi kalau aktiviti sukan ni sebenarnya *the best*, terbaik adalah *consistency*. Ya konsisten dan mesti dibuat kita tak boleh buat sekali dan mengharapkan kita semua sihat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :**

Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tanya kepada Yang Berhormat EXCO, inisiatif kesihatan banyak telah diberi kepada kaum wanita untuk mencegah penyakit-penyakit cancer.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAID BIN ROSLI :**

Jangan tanya tentang kaum wanita, nanti jadi isu lagi. (Ketawa).

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :**

Bukan. Sila dengar soalan saya. Ini saya nak berjuang untuk kaum lelaki di negeri Selangor.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAID BIN ROSLI :**

Saya sokong, saya sokong (tepuk meja).

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :**

Sebab bulan ni bulan November ialah bulan kesihatan untuk kaum lelaki dan saya dapat dalam peruntukan tidak ada apa-apa saya ingat untuk kesihatan kaum lelaki. Jadi saya syorkan Yang Berhormat EXCO sila wujudkan ataupun program-program untuk lelaki sebab kalau kita tengok dari statistik had umur hidup kaum lelaki ialah lebih rendah pada kaum wanita. Sekian.

**TUAN SPEAKER :**

Terima kasih Ijok. Perjuangkan hak kesihatan lelaki. Sila kan EXCO.

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Ijok. Satu cadangan yang baik sebenarnya semua program-program kesihatan kita adalah untuk lelaki dan wanita yang khusus untuk wanita hanya mungkin *mamosile* itu saringan barah payu dara. Saya menyambut baik cadangan daripada Ijok kalau ada program yang spesifik yang kita boleh buatkan untuk kaum lelaki tetapi setahu saya untuk kesihatan lelaki ini, pembunuh pertama untuk masyarakat Malaysia adalah sakit jantung ya that's no one killer dan memang di segi itu bila kita mendidik rakyat dalam pemakanan sihat dan sebagainya dan kita juga ada banyak program-program saringan kesihatan maka secara tidak langsung adalah untuk kaum lelaki cuma untuk makluman Ijok amat susah kita buat program untuk mengajak kaum lelaki. Bila kita buat program-program pembedayaan keluarga dan sebagainya kebanyakan audiens adalah wanita. Jadi program pendidikan lelaki ni saya dah pening.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat tak betul tu, tak buat jangan cakap. Kalau dah buat baru boleh bagi ni.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Saya bagi tahu.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAID BIN ROSLI :** Tak boleh.

**TUAN SPEAKER :** Jeram jangan celah ini pertanyaan.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Program misalnya di dalam 3W, kita ada program pembedayaan lelaki ya di mana kita mengajak kaum bapa untuk bersama-sama menghayati tanggungjawab di dalam kekeluargaan dan sebagainya.

Sukan misalnya pun kita ada pertandingan dan sebagainya kita tidak *exclude*, kita tidak diskriminasikan kaum lelaki sebenarnya tapi bagi kaum wanita dia sukar sikit untuk kita mengeluarkan mereka untuk membuat program-program kesihatan kalau kita tidak galakkan.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Boleh saya mencelah Yang Berhormat. Ada program memogram dan *Pap Smear* kaum wanita untuk mengurangkan ataupun mencegah kes-kes *cancer* yang paling sering terdapat pada wanita tetapi *cancer* yang paling sering pada lelaki ialah *cancer prostate*. Kalau lah ada satu program semua lelaki ke atas lebih daripada 50 tahun diberi test PSA, *prostate cancer*, *prostate antigen*, *serum antigen* percuma sebab kaum wanita dapat memogram, *Pap Smear* percuma tetapi tidak ada program untuk kaum lelaki.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih di atas cadangan itu, saya akan meneliti cadangan Ijok. Terima kasih.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Tuan Speaker, soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Yang terakhir.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Ok. Minta maaf. Terima kasih Yang Berhormat EXCO cuma saya mohon penjelasan kenapa selalu kaitkan orang gemuk ni tak

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

sihat. Sedangkan saya tengok ramai juga di luar sana orang yang kurus pun tak sihat dan sekarang ni persepsi kita seolah-olah kalau gemuk je tak sihat tapi saya tengok memang ramai orang gemuk lebih sihat daripada orang kurus. Kalau kita pergi lawat hospital tak ramai orang gemuk yang sakit duduk kat katil tu ramai orang yang kurus, jadi saya rasa kita kena ubah persepsi. Kalau tidak yang kurus ni tak rasa macam dia tak ada sakit sebab selalu kita kaitkan dengan orang gemuk mungkin kita kena guna kaedah lain bila nak mengajak orang untuk Slim.

**TUAN SPEAKER :** Ya, ya Pelabuhan Klang sihat ya. Kurus sihat ya.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Alhamdulillah.

**TUAN SPEAKER :** Ok-ok baik.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Pelabuhan Klang. Sebenarnya sudah ada statistik yang menunjukkan obesiti itu berkait rapat dengan penyakit-penyakit yang empat serangkai tu ya. Daripada obesiti tu, tinggi kolesterol kemudian dia ada darah tinggi, kencing manis, buah pinggang, sakit jantung. Kolerasi itu sudah tidak dapat dinafikan lagi. Jadi dengan mengawal berat badan, in syaa Allah maka penyakit-penyakit, risiko penyakit-penyakit ini ada berkurangan. Tidak bermakna yang orang kurus tidak ada penyakit, ada tetapi risikonya kurang daripada orang yang gemuk. Ada orang yang kurus tetapi kolesterolnya tinggi juga. Itu sebabnya program perlu dibuat saringan.

**TUAN SPEAKER :** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN EDY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Terima kasih Tuan Speaker.  
Soalan ni Jeram tak boleh ambil. Soalan No. 72.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN EDY FAIZAL BIN EDDY YUSOF (N23 DUSUN TUA)**

#### **TAJUK : PELANCONGAN HULU LANGAT**

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pelancong yang datang ke Sungai Congkak mengikut tahun dari 2015 hingga 2019?

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Dusun Tua. Yang Berhormat Tuan Speaker. Kerajaan Negeri Selangor semenjak tahun 2015 telah memberikan mandat kepada Tourism Selangor untuk mengurus serta mengawal selia kawasan pelancongan yang kini dikenali sebagai Congkak Park and Resort.

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Dusun Tua, statistik yang akan dibentangkan hanya akan tertumpu kepada kawasan di bawah bidang kuasa Tourism Selangor sahaja ia ini kawasan Congkak Park Resort dan tidak meliputi semua kawasan Sungai Congkak.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat jumlah statistik kedatangan pelancong dan pelawat yang diperolehi adalah berdasarkan kepada pengumpulan maklumat melalui penjualan tiket masuk ke Congkak Park Resort sahaja. Bermula dari tahun 2015 sehingga 2019. Pada tahun 2015 sejumlah 147,100 orang pelawat. 2016 : 137,137 orang pelawat. 2017 : cuma 72,584 orang sahaja. 2018 : 105,377 orang dan bagi tahun 2019 sehingga September 2019 sejumlah 77,023 orang pelawat yang datang ke Congkak Park Resort.

Selanjutnya saya juga ingin memaklumkan bahawa Tourism Selangor kini telah memulakan satu inisiatif dengan kerjasama Menteri Besar and In cooperated atau MBI untuk mewujudkan pelan tindakan khusus bagi menaik taraf kemudahan infrastruktur sedia ada untuk menarik lebih ramai pelancong, pengunjung datang ke kawasan ini menerusi Smart Transit Program dengan izin yang dijangkakan dapat disiapkan dalam tempoh enam (6) bulan daripada sekarang.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, inisiatif ini sedang berada di peringkat penganjuran lawatan tapak bagi mengenal pasti dan merancang tahap pembinaan semula yang diperlukan serta mengadakan mesyuarat penyelarasian bagi tindakan selanjutnya di peringkat Majlis Daerah, Tourism Selangor, MBI dan juga UPEN.

Adalah menjadi harapan kerajaan negeri bahawa dengan adanya pengubahsuaian yang dirancang ini kawasan Congkak Park Resort akan kekal menjadi satu destinasi utama tarikan pelancong terutama sekali bagi para pencinta alam semula jadi di samping pelancong luar negara yang sememangnya meminati kawasan-kawasan ekopelancongan di sekitar negeri Selangor terutamanya menjelang tahun melawat Malaysia 2020 nanti. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, Yang Berhormat katakan tadi di Sungai Congkak ini tapi saya nak tanya ada tak kawasan yang berhampiran Sungai Congkak ini yang boleh dipopularkan ataupun di naik taraf? Contoh Sungai Pangsoon, Sungai Gaban, Gabai, sorry Gaban pulak dah, (ketawa) tarik. Gabai. Sungai Gabai jadi yang ini yang berhampiran dengan Sungai Congkak, saya harap ada tak, pertanyaan saya ada tak perancangan yang berhampiran dengan Sungai Congkak. Terima kasih.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat. Buat masa ini kita fokus kepada Congkak Park Resort. In syaa Allah selepas ini apabila siap Congkak Park Resort diubahsuai dan diperbaiki kita akan teroka kawasan-kawasan lain yang seperti disebut oleh Yang Berhormat tadi. In syaa Allah. Terima kasih Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER :** Sabak.

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Tuan Speaker, Peraturan 24 (2). Soalan No. 73.

**TUAN SPEAKER :** Ya Jeram. 24 (2). Ambil. Silakan. Silakan.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN (N02 SABAK)**

#### **TAJUK : MASALAH PELUANG PEKERJAAN**

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagi mengimbangi populasi penduduk di Sabak Bernam yang lebih didominasi oleh warga emas. Apakah rancangan kerajaan menambah peluang pekerjaan yang banyak kepada anak muda di Sabak Bernam supaya mereka tidak berhijrah ke kawasan bandar?

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Sabak dan saya mohon izin untuk menjawab sekali gus dengan soalan daripada Yang Berhormat Permatang, No. 92 yang berkait rapat dengan masalah penghijrahan anak-anak muda ke bandar kerana kekurangan pekerjaan.

Yang pertamanya, soalan daripada Sabak bertanyakan bagi mengimbangi populasi penduduk di Sabak Bernam yang lebih didominasi oleh warga emas. Apakah rancangan kerajaan menambah peluang pekerjaan. Yang pertama saya mungkin ingin mendapat pencerahan daripada Sabak tapi Yang Berhormat Sabak tidak ada hari ini. Apakah bukti sebenar yang mengatakan ramai belia-belia berhijrah. Apakah Yang Berhormat Sabak ataupun Yang Berhormat Permatang mempunyai statistik ataupun Yang Berhormat berdasarkan andaian ataupun bagaimana?

Kerajaan ingin tahu asas kepada kenyataan mengapa belia tidak ada di kawasan masing-masing. Untuk menjawab soalan ini dari segi pekerjaan yang kita nyatakan adalah jawapan yang sama iaitu kita akan adakan Job Fair di peringkat daerah-daerah dan sebentar tadi saya bercakap dengan Yang Berhormat Permatang, beliau mencadangkan untuk menambah lebih banyak produk, tempat aktiviti-aktiviti belia dan memang kita mengharapkan dapat mengadakan dataran ekonomi belia kita yang mengadakan menghimpunkan food track ataupun tempat-tempat jualan untuk belia-belia kita ini di samping menaik tarafkan kawasan-kawasan sukan di kawasan masing-masing.

Tetapi bagi menjawab soalan Permatang, apakah usaha kerajaan untuk memastikan kelompok anak muda luar bandar tidak tersisih dari pembangunan di laksanakan maka itulah seperti yang saya katakan tadi cuba bangunkan dan saya juga mengharapkan kerjasama daripada Yang Berhormat EXCO Pertanian dan Yang Berhormat EXCO

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Pelaburan untuk mengadakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan di kawasan-kawasan Yang Berhormat-Yang Berhormat di bawah.

Cuma sebagai statistik saya suka membaca statistik kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian sebagai makluman kita apakah bilangan belia yang ada di kawasan daerah masing-masing.

Yang pertama, yang paling tinggi sekali adalah belia yang.. Untuk makluman Yang Berhormat Gombak mempunyai 815,000 penduduk tetapi belia di sana di kawasan Gombak yang berumur antara 15 hingga 40 tahun ada 359,000. Untuk kawasan Klang, jumlah penduduk adalah 1,025,000 dan belia di sana ada 492,000. Untuk daerah Kuala Langat, jumlah pendudukan adalah 270,000 manakala jumlah belia adalah 114,000. Bagi daerah Kuala Selangor yang di mana Permatang berada di Kuala Selangor, jumlah pendudukan Kuala Selangor adalah 251,000 manakala jumlah belia 15 hingga 40 adalah 111,000. *This is our statistic.* Bagi Petaling yang mempunyai penduduk paling tinggi 2,157,000 penduduk manakala belia di antara 15 hingga 40 ialah 1,000,001. Jadi bagi Sabak pula yang mana Yang Berhormat Sabak bimbang dengan penghijrahan belia, jumlah penduduk adalah 126,000 manakala jumlah belia adalah 52,000. Itu *almost half* daripada *population*. Sepang, jumlah penduduk 256,000. Jumlah belia yang di sana adalah 120,000. This is daerah Sepang Yang Berhormat. Dan Hulu Langat jumlah penduduk adalah 1,370,000 manakala belia di sana 634,000. Bagi Hulu Selangor jumlah penduduk 237,000 manakala belia yang ada di sana adalah 100,000 orang.

Jadi kalau ikut statistik ini belia masih ramai di tempat Yang Berhormat sebab tu saya tanya dari awal apakah asas yang mengatakan penghijrahan secara besar-besaran oleh belia kita di kawasan. Walau bagaimanapun kalau ini berlaku kerajaan akan melihat apakah peluang yang kita boleh bangunkan supaya belia terus berminat berada di kawasan Yang Berhormat yang ada hari ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya mengalu-alukan program Job Fair yang dibuat dengan rancaknya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Dalam masa yang sama juga saya rasa kita dalam menawarkan peluang pekerjaan ini, kita perlu tahu juga berapa ramai belia-belia ini telah masuk pekerjaan dan berhenti bekerja. Sebab itu akan mengundang kepada jumlah pengangguran di Selangor. Mungkin kita kena buat statistik itu sebab kita kena tahu kenapa mereka diberhentikan. Jadi saya harap Kerajaan Negeri Selangor membuat statistik itu. Tawaran, *retain* dan *sustain* dia punya *word* tu. Terima kasih.

**Y.B. TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Terima kasih Yang Berhormat Kota Damansara. Kita akan merujuk kepada Jabatan Buruh bagi melihat apakah statistik mereka yang berdaftar yang belum dapat pekerjaan. Disebut sebagai pengangguran atau mereka yang telah bekerja yang tidak ada pekerjaan. Kita akan lihat apakah faktor-faktor yang berlaku.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Melawati.

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI :** Terima kasih Tuan Speaker, Yang Berhormat EXCO mungkinkah kerajaan sudah tiba masanya untuk adakan kajian ataupun kaji selidik bagaimana atau apakah kehendak masalah atau isu cabaran belia di luar bandar kerana banyak maklum balas yang kita terima di kawasan luar bandar ini adalah isu belia yang tidak ada peluang pekerjaan. Mungkin sebab kurangnya pelaburan kerajaan tidak pergi ke kawasan luar bandar untuk perindustrian dan sebagainya tapi apakah isu sebenar dan mungkin apa kehendak mereka. Jadi itu baru kita boleh buat dasar ataupun program baru untuk belia luar bandar.

**Y.B. TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Terima kasih Bukit Melawati. Kita akan mintak Unit Perancang Ekonomi untuk *engange* untuk mengadakan kajian atau indeks belia kita di negeri Selangor ini. Ini belum ada lagi indeks yang terakhir tetapi insyaallah kita akan ambil kira pandangan Yang Berhormat termasuk pandangan-pandangan belia kita yang akan mengundi pada umur 18 tahun nanti. Dan hasil daripada kajian itu kita akan maklum pada Yang Berhormat dalam dewan ini.

**TUAN SPEAKER :** Soalan Yang Berhormat Sungai Panjang telah dijawab bersekali dengan soalan no. 2 yang lepas. Saya persilakan Yang Berhormat Sungai Kandis.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Tuan Speaker, saya nak mengemukakan soalan mengikut Peraturan Tetap 24(2). Soalan ke 75.

**TUAN SPEAKER :** Iya silakan.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI (N49 SUNGAI KANDIS)**

#### **TAJUK : BANTUAN PENDIDIKAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR**

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat bantuan atau dana pendidikan kepada mahasiswa di luar negara? Jika ada huraikan.
- b) Berapakah jumlah bantuan pendidikan mengikut pecahan kategori yang telah diberikan kepada mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Asia Barat dan Timur Tengah?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Taman Medan yang bagi pihak Sungai Kandis. Pertama, Lembaga Zakat Selangor (LZS) ada menyalurkan bantuan pendidikan kepada mahasiswa di luar negara dalam kalangan asnaf fakir, miskin, mualaf dan fisabilillah. Bantuan yang diberikan adalah seperti berikut:

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

### 1. Bantuan Dermasiswa Luar Negara (Timur Tengah)

- a) Berbentuk dermasiswa yang diberikan kepada pelajar paling cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan melepassi kelayakan temuduga serta ujian bahasa yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
- b) Pemilihan pelajar melalui JAIS.
- c) Keutamaan kepada keluarga berpendapatan pertengahan (lebihan had kifayah tidak melebihi RM7,000.00) bagi satu keluarga
- d) Kuota pelajar yang disediakan adalah 50 orang untuk tiga buah negara iaitu Mesir, Jordan dan Maghribi atau Morocco.
- e) Nilai peruntukan setiap tahun adalah sekitar RM4 juta.

### 2. Bantuan Dermasiswa Luar Negara (selain Timur Tengah)

- a) Berbentuk dermasiswa yang diberikan kepada pelajar cemerlang dan mendapat tawaran melanjutkan pengajian ke luar negara (Ijazah pertama).
- b) Pemilihan pelajar melalui LZS.
- c) Keutamaan kepada keluarga berpendapatan pertengahan (lebihan had kifayah tidak melebihi RM7,000.00).

### 3. Bantuan Umum Pelajaran (Pelajar Luar Negara)

- a) Sumbangan ‘one off’ setahun sekali sahaja.
- b) Keutamaan kepada keluarga berpendapatan pertengahan (lebihan had kifayah tidak melebihi RM7,000.00).

### 4. Bantuan Sumbangan Keperluan Pembangunan Pendidikan Luar Negara

- a) Sumbangan diberikan kepada institusi, individu, agensi Islam luar negara yang bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), JAIS dan LZS.
- b) Keutamaan kepada program luar negara (negara Islam).
- c) Kadar sumbangan berdasarkan kepada kelulusan LZS dan belanjawan yang diperuntukkan.
- d) Program pembangunan meliputi:
  - i. Pengajuran program/kursus dan latihan kemahiran bagi pembangunan pendidikan
  - ii. Bayaran tenaga pengajar dan perunding
  - iii. Bayaran yuran dan penginapan
  - iv. Kos pengangkutan
  - v. Saguhati peserta
  - vi. Bahan rujukan, bahan cetak dan peralatan

Yang D ini lebih kepada menyusun dan mengaturkan program-program yang telah diaturkan atau dipohon oleh pelajar-pelajar.

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Jumlah keseluruhan pelajar tajaan LZS yang aktif pengajian adalah seramai 293 orang pelajar. Daripada jumlah tersebut, pelajar paling ramai mendapat tajaan LZS adalah di Mesir iaitu seramai 173 orang pelajar. Jumlah keseluruhan dermasiswa yang diperuntukkan kepada pelajar adalah sebanyak RM29,667,675.00. Ini merupakan komitmen LZS sehingga pelajar tamat pengajian mereka. Berikut merupakan perincian pelajar yang mendapat tajaan LZS. Untuk Mesir, RM15,800,000.00. Jordan RM8,800,000.00. Morocco RM125,000.00 dan Indonesia ini proses evakuasi mengeluarkan mereka. Indonesia melibatkan pelajar-pelajar atau mahasiswa dan mahasiswi yang keluar dari Mesir ketika masalah di Mesir tempoh hari berjumlah RM4.9 juta. Dan keseluruhan RM29,667,675.00. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Taman Medan.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Baik, adakah bantuan pendidikan Lembaga Zakat Selangor ini terbatas kepada pelajar-pelajar yang sedang belajar di peringkat Diploma dan Sarjana Muda semata-mata. Bagaimanakah dengan pelajar-pelajar yang sedang menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Seperti peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Taman Medan, saya rasa saya perlu mendapatkan maklumat yang jelas. Setakat ini yang di pengetahuan kita memang pembiayaan adalah untuk peringkat Ijazah Pertama dan belum ada lagi tawaran-tawaran untuk program Master atau pun PHD. Tapi saya akan dapatkan maklumat yang terperinci tapi kalau selepas ini sebagai contoh kita juga akan membuka program tara nanti untuk pelajar cemerlang tadi. Bukan hanya untuk pelajar yang belajar di United Kingdom, syarikat Jepun ataupun China tapi juga kita buka yang betul-betul mampu layak dan boleh diketengahkan sebagai tokoh masyarakat dan contoh masyarakat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Air Tawar. Iya Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Saya mengambil Peraturan Tetap 24(2) mengambil soalan ini sebagai soalan saya.

**TUAN SPEAKER :** Saya benarkan. Silakan.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

### **TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN RUMAH SELANGORKU**

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah projek siap, belum siap dan dalam perancangan bagi projek Rumah Selangorku yang terkini?

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

- b) Nyatakan jumlah permohonan keseluruhan bagi Rumah Selangorku dan jumlah penerima yang sudah menduduki Rumah Selangorku sehingga September 2019?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga Yang Berhormat Sijangkang. Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Rumah Selangorku telah mula diperkenalkan pada tahun 2014. Secara keseluruhan sebanyak 277 projek Rumah Selangorku yang melibatkan **121,695 unit** telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerjaan Negeri (MMKN). Sehingga 15 Oktober 2019, sebanyak 38 projek Rumah Selangorku telah siap dibina melibatkan **14,781 unit** dan telah diserahkan kunci. Manakala sebanyak 61 projek melibatkan **22,274 unit** Rumah Selangorku sedang dalam pembinaan dan baki sebanyak 178 projek iaitu melibatkan **84,640 unit** Rumah Selangorku masih dalam perancangan. Perincian mengikut jenis adalah seperti berikut. Jenis A sebanyak 13,090 unit. Jenis B 23,708 unit. Jenis C 45,192 unit. Jenis D 37,125 unit dan Jenis E 2,796 unit.

Untuk menjawab soalan berkaitan dengan jumlah permohonan keseluruhan bagi rumah Selangorku sehingga September tahun ini adalah seramai **192,564 pemohon** namun jumlah pemohon yang masih aktif dalam Sistem Pendaftaran Rumah Selangorku (SPPR) bagi pemohon yang belum berjaya ditawarkan atau status senarai menunggu adalah **56,782 pemohon**. Manakala jumlah penerima yang sudah menduduki Rumah Selangorku sehingga September 2019 adalah seramai **14,781 pemohon**. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speaker, Yang Berhormat Lembah Jaya, sehingga kini berapa banyak rumah Selangorku yang terlibat dengan program Smart Sewa dan kategori mana yang terlibat dalam program Smart Sewa ini?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Setakat ini hingga hujung tahun kita akan mempunyai lebih kurang 968 unit. Hanya unit-unit tersebut itu ada di beberapa tempat perinciannya saya akan bagi secara bertulis. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Tuan Speaker, Yang Berhormat saya nak tanya sekiranya ada rumah Selangorku atau rumah kos rendah yang dibina ikut DUN, bolehkah pihak Yang Berhormat hantar senarai ataupun berapa banyak yang dibuat sebab untuk makluman Yang Berhormat kita di ADUN di kawasan sendiri kita tidak tahu adakah pembinaan sedang dilakukan ataupun ada perancangan dan sebagainya sebab apabila masyarakat ataupun rakyat di kawasan kita tanya adakah projek rumah Selangorku dibuat di kawasan kita, kita tidak ada info. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Yang Berhormat Jeram, memang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah pun menghantar senarai rumah Selangorku. Projek-projek RSKU di tempat ADUN-ADUN yang berkaitan. Dan jumlah unit dan di mana. Kalau tak terima itu maknanya tak ada di kawasan Yang Berhormat. Tapi kita akan maknanya sentiasa kemaskini maklumat tersebut. Kalau

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

sekiranya Yang Berhormat berkehendakkan senarai itu, boleh sahaja menghubungi LPHS. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Hasrat Kerajaan Negeri Selangor ialah untuk memberi rumah kepada semua keluarga di Negeri Selangor. Saya hendak tanya, Yang Berhormat Tuan Speaker adakah Program Selangorku mematuhi atau pun on target kepada dengan izin, hasrat Negeri Selangor untuk memberi rumah kepada keluarga Negeri Selangor? Bagaimana dia punya pencapaian.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Kalau kita lihat daripada senarai projek yang telah diluluskan dan unit-unit yang terlibat, adalah bilangan bilangannya adalah 121,695 unit. Dan permohonan atau pun pendaftaran yang ada setakat ini September tahun ini, seramai 192,564 unit. Jadi kita tidak jauh kebelakanglah daripada bilangan pemohon dan juga unit-unit yang kita rancang untuk siapkan. Ada juga unit yang sudah siap dan juga dalam proses pembinaan dan juga dalam peringkat perancangan.

Jadi, kita juga memantau dari segi pasaran permintaan di kepada perumahan ini supaya tidak berlaku unit-unit yang tidak terjual. Khususnya rumah-rumah harga kawalan ini. Jadi, saya fikir ada banyak faktor yang kita perlu pertimbangkan tapi setakat yang dirancangkan saya nampak kita masih *on track*. Dengan izin, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, saya persilakan Batang Kali.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAID BIN ROSLI :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih. Mengikut Peraturan-peraturan Tetap 24 (2), saya nak tanya soalan No. 37.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI (N40 KOTA ANGGERIK)**

#### **TAJUK : PEMBANGUNAN INDUSTRI EKONOMI DIGITAL**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam membangunkan industri ekonomi digital di Negeri Selangor?
- b) Sejauh manakah tumpuan kepada pembangunan ekonomi digital dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat?

**TUAN SPEAKER :** Saya benarkan.

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Jeram sekali lagi. Berkaitan dengan Pangsapuri di Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung dan juga sekitar Bukit Sentosa ini, pihak Majlis melalui COB Majlis Daerah Hulu Selangor, sentiasa sebenarnya membantu pihak pengurusan bangunan di kawasan tersebut untuk tingkatkan atau pun membaik pulih kemudahan infrastruktur kalau sekiranya ada keperluan. Dan pihak Majlis juga sentiasa memajukan permohonan dari pihak JMB ke peringkat Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan atau pun kepada LPHS sendirilah untuk membantu mereka membaik pulih infrastruktur kerana mereka mungkin ada kekangan kewangan bagi membaik pulih infra yang sedia ada. Soalan berkaitan dengan peruntukan pada tahun hadapan, jadi seperti mana seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat pada Jumaat lepas, sebanyak RM100 ribu telah diperuntukkan pada tahun 2020 untuk bantu penduduk strata dalam program baik pulih harta bersama. Jadi, pendekatan *cost sharing* dengan izin, juga diguna kali ini supaya mereka yang mendapat bantuan sumbangan ini akan lebih komited untuk mengurus bangunan mereka secara sendiri selepas itu. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, pagi ini Dewan Negeri Selangor menerima kunjungan lawatan daripada delegasi IKRAM Negeri Selangor. Datang selamat datang ke Dewan Negeri Selangor. Saya persilakan Yang Berhormat Gombak Setia.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM** : No. 78.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM (N17 GOMBAK SETIA)**

#### **TAJUK : CASHLESS SOCIETY SMART SELANGOR**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah kemajuan pelaksanaan Program Cashless Society Smart Selangor dan apakah sasaran Kerajaan Negeri dalam tempoh 3 tahun pelaksanaannya?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih. Hari ini menggunakan botol daripada plastik ya. Kaca. (Dewan ketawa). Tolong jawab soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Gombak Setia. Program Cashless Smart Selangor bertujuan membangunkan ekosistem ekonomi digital Negeri Selangor yang merangkumi berapa komponen untuk kemudahan pembayaran perkhidmatan buyer Kerajaan Negeri Selangor. Itu yang pertama.

Aplikasi Citizen Electronic Payment iaitu CEPAT. Satu aplikasi pintar untuk perkhidmatan berbayar Kerajaan Negeri yang pada ketika ini menyediakan kemudahan pembayaran perkhidmatan permohonan lesen, kompaun dan juga cukai taksiran untuk Majlis Daerah Hulu Selangor, Majlis Daerah Kuala Selangor dan Majlis Perbandaran Kajang.

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Yang kedua, Portal Smart Selangor. Portal setempat untuk CEPAT yang turut menyediakan kemudahan pembayaran perkhidmatan seperti di atas.

Yang ketiga, Smart Kiosk. Bakal memperkenalkan penyediaan Kiosk Pintar tanpa tunai untuk pembayaran perkhidmatan Kerajaan yang mengenakan bayaran pembayaran menerusi kad kredit dan juga kad debit.

Yang keempat, Fast Step. Mod pembayaran alternatif untuk pembayaran perkhidmatan berasaskan kad debit atau pun kad kod QR menerusi smart phone bagi menggalakkan micro transaction. So, di samping itu Kerajaan Negeri menggalakkan penggunaan e-wallet di bazar-bazar ramadhan di Negeri Selangor pada tahun 2018 dan 2019. Untuk bazar Ramadhan tahun 2019, sejumlah empat ribu peniaga telah menggunakan kaedah pembayaran e-wallet dengan nilai transaksi berjumlah RM80 ribu. SSTU mensasarkan kesemua perkhidmatan berbayar untuk Kerajaan Negeri Selangor diwujudkan dalam aplikasi CEPAT pada tahun 2023. Sekian.

**Y.B. TUAN HILMAN BIN IDHAM :** Yang Berhormat, tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HILMAN BIN IDHAM :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO di atas penjelasan sebentar tadi. Namun, saya ingin bertanya, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan e-wallet stimulate package atau sebarang insentif supaya lebih ramai lagi merchant atau usahawan dapat menawarkan perkhidmatan ini. Dan apakah Kerajaan Negeri berhasrat juga untuk mengerakkan Pihak Berkusa Tempatan khususnya Jabatan Pelesenan untuk merancakkan lagi agenda Selangor towards Cashless Society ini.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Memang ini dalam rancangan kitalah. So, kita akan pastikan pada masa akan datang untuk semua perkhidmatan di Kerajaan ini kita mengadakan pembayaran melalui transaksi e-wallet dan juga smart phone. So, untuk kemudahan di PBT merangkumi semua parking dan juga melainkan kita akan menyediakan satu platform untuk rakyat memudahkan rakyat untuk membuat pembayaran terutama hasil cukai tanah, cukai pintu, parking dan lain-lain. Sekian.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan tambahan. Ya, Puan Speaker. Soalan tambahan. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat EXCO. Soalan saya ialah berkaitan dengan Program Cashless Society Smart Selangor ini. Berapakah kos yang telah pun dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membangunkan platform ini. Saya memohon sekiranya boleh jawapan ini dijawab kalau tidak ada apa ini, boleh dijawab secara bertulis kalau boleh.

Yang keduanya berkenaan dengan apa ini dengan pembangunan platform Smart Payment atau pun Cashless Payment ini. Kita sudah tahu bahawa banyak di pasaran sudah banyak ada operator-operator yang yang memang berkualiti. Adakah kita nak bersaing dengan sektor swasta dalam perkara ini melainkan kalau kita hendak kumpulkan mereka semua untuk memudahkan pengguna dalam membuat pembayaran dan perkhidmatan yang ditawarkan sekarang ini agak limited. Jadi, adakah saya, adakah Kerajaan Negeri Selangor akan roll-out full services kepada pengguna selewat-lewatnya pada akhir tahun depan.

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Untuk kos yang terlibat itu saya tiada yang angka saya tiada. Saya akan bagi secara bertulislah. So, saya akan menjawab soalan sebentar lagi untuk Yang Berhormat Banting ya. Berkennaan juga dengan SSDU. So, saya akan huraikan mana angka-angka yang terlibat. Dan juga yang dibangkitkan oleh Y.B. Yang Berhormat Banting.

**TUAN SPEAKER :** Ya, saya persilakan Yang Berhormat Teratai.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Saya ingin menggunakan peruntukan Peraturan Tetap 24 (2) untuk soalan ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, saya benarkan. Silakan, pihak Kerajaan.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Tuan Speaker, secara dasarnya, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang berkualiti adalah memerlukan perbelanjaan yang besar dan sukar di kurangkan. Lebih-lebih lagi PBT di Negeri Selangor telah menerima pertumbuhan ekonomi yang pesat. Pertumbuhan bandar dan kawasan perumahan yang tinggi dan penambahan bilangan penduduk yang tinggi juga. Bila nak cari institut pengajian yang berkualiti, datang ke Selangor. Bila nak cari kerja, datang ke Selangor. Bila nak cari peluang perniagaan, datang ke Selangor. Bila nak cari pasangan, juga datang ke Selangor. Ini adalah kehebatan Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Sungai Tua. EXCO juga. (Dewan ketawa).

Ok. Walau bagaimanapun, usaha untuk mengurangkan kos pelupusan sampah boleh dicapai melalui pengurangan jumlah sampah yang dihasilkan dan dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah di mana secara tidak langsung ia boleh mengawal kos pelupusan sampah oleh PBT.

Sehubung dengan itu, kaedah terbaik dalam mengurangkan sampah adalah melalui Program Pengasingan Sisa Pepejal di peringkat punca dan menggiatkan Program Kesedaran Kitar Semula supaya program ini dapat dilaksanakan. Oleh itu Kerajaan Negeri amat menggalakkan PBT supaya memperhebatkan lagi aktiviti-aktiviti berdasarkan kitar semula. Antaranya seperti melaksanakan Kempen Kesedaran Berkenaan Pengasingan Sisa dan memperkenalkan sisa Pengasingan Sisa di isi rumah di peringkat komuniti penduduk dan menjalankan aktiviti kitar semula. Bila kita sebut kitar semula dulu kita menggalakkan semua peringkat untuk mengamalkan 3R. Tetapi bagi hari ni, bagi hari ini yang penuh dengan cabaran, 3R telah tidak mencukupi. Kita harus mengamalkan 5R iaitu *Reduce, Reuse, Recycle, Refuse* dan *Repurpose* untuk semua peringkat.

Dan seterusnya Program Kitar Semula Pakaian Terpakai, Program Kitar Semula E-Waste dan menyediakan kemudahan pusat kitar semula dan tong pengumpulan bahan kitar semula berpusat.

Memperkenalkan sistem kutipan bahan kitar semula secara terus dari rumah penduduk dan program pengkomposan sisa dan dihasilkan dari sisa medan selera dan premis makanan. Selain itu, bagi pelan jangka panjang dalam pelupusan sampah di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu World Wide Holding Berhad, akan melaksanakan Integrated Solid Waste Management Centre. Justeru, sebuah loji

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Waste to Energy akan dibangunkan oleh World Wide Holding. Dengan adanya teknologi ini, sisa pepejal yang dihasilkan di Negeri Selangor bukan hanya dilupuskan. Tetapi juga akan menjadi sumber kepada tenaga elektrik, penghasilan baja, kutipan barang kitar semula dan lain-lain yang dapat menambah nilai kepada aktiviti ekonomi Negeri Selangor. Terima kasih.

Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya untuk Yang Berhormat EXCO. Adalah apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyenaraikan semua kos-kos yang terlibat dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Kerana saya nampak soalan ini daripada Teratai yang minta tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kos tetapi kita semua tahu, untuk menguruskan sisa pepejal pada hari ini memang kosnya sangat tinggi. Dan kita sepatutnya lebih jujur. Kita tidak boleh kurangkan kos. Kita sepatutnya tingkatkan kos kerana ada kitar semula dan sebagainya. Jadi apa rancangan Kerajaan Negeri untuk memberi maklumat yang lebih tepat tentang kos-kos yang terlibat dalam pengurusan sisa pepejal di Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Bukit Lanjan. Saya menjawab soalan Teratai, kerana soalan itu bertanya bagaimana untuk mengurangkan kos. Maka dalam jawapan saya, saya telah mengatakan memang sukar untuk mengurangkan kos. Sebenarnya, bagi kos pembersihan atau kos pengurusan sisa pepejal yang PBT bayar kepada KDEB tu adalah sebenarnya dalam satu angka yang agak rendah sekiranya kita banding dengan DBKL. Saya boleh memberi satu contoh di DBKL setiap unit rumah kos pengurusan sisa pepejalnya adalah RM14.00 tetapi di Negeri Selangor kebanyakan PBT hanya antara RM7.00 hingga RM9.00. Maka, ia adalah amat jauh sekira kita banding dengan DBKL tetapi untuk menjawab kepada soalan...untuk menunjukkan semua kos tu, saya tiada maklumat yang teliti bersama saya buat masa ni. Saya perlu semak semula dengan semua pihak yang terlibat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta pence...soalan tambahan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya ialah apakah benar bahawa sebenarnya dalam konsep sama ada 3R ataupun 5R yang dibangkitkan satu, R yang pertama, yang paling utama, salah satu R paling pertama ataupun saya ialah kenalkan sebagai konsep 1R iaitu *Reduce* yang sebenarnya perlu diketengahkan terlebih dahulu apabila kita mengurangkan kebergantungan kita kepada apa ni...bahan-bahan...apa ni...kita boleh mengurangkan kos untuk merawat dan menguruskan sampah dan adakah Yang Berhormat dan juga kerajaan akan *commission* dengan izin, satu pasukan penyelidik yang terdiri daripada KDEB Waste Management dan juga Worldwide untuk melihat bagaimana kita boleh menerapkan konsep ini melalui dasar *circular economy* supaya kos keseluruhan boleh dikurangkan dengan lebih berkesan.

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Itu tentunya sekiranya kita dapat mengurangkan sisa daripada setiap rumah tentunya kos...apa tu akan dapat dikurangkan. Buat masa ini berapa PBT khususnya Majlis Bandar Raya Shah Alam telah berusaha untuk mengamalkan berbagai program kitar semula termasuk Program 3R atau 5R untuk menggalakkan setiap rumah untuk mengasingkan sampah supaya jumlah sisa pepejal itu dapat dikurangkan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih. Saya nak ucapkan tahniah. Nampaknya KDEB di Selangor boleh mengurus sisa pepejal dengan kos yang jauh lebih murah daripada SW Corp di Kuala Lumpur. Jadi, tahniah kepada Yang Berhormat EXCO dan KDEB dan adakah soalan saya, adakah SW Corp pernah datang ke, ke Selangor untuk belajar macam mana mereka boleh mengurangkan kos pengurusan sampah mengikut teladan Negeri Selangor?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Soalan ni saya tidak dapat jawab. (Gelak). Itu, itu....(gelak) Tak apa. Yang ni bila ada peluang saya akan bisik-bisik dengan SW Corp sekiranya mereka ingin belajar dengan Negeri Selangor maka kita...kita...apa tu...we are willing...willing to share our experience. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW :** Ya. Tadi dalam jawapan EXCO katakan ada satu rancangan untuk membina *waste to energy* di Selangor. Setahu saya *waste to energy plant*, dalam apa benda pun ia kena membakar sampah. Jadi, dia bercanggah dengan 3R ataupun 5R. Dia tidak menggalakkan *recycle* lah kerana dia perlukan sampah untuk membakar. Dan, lagi satu setahu saya kalau...kalau *buat waste to energy, tipping fees* itu akan naik. Ini akan menjadi satu beban yang sangat tinggi pada semua PBT. Sebab itu saya minta Kerajaan Negeri *study...study*, dengan izin dengan lebih teliti. Dan, setahu saya ini satu *plant*, bagi sayalah, setahu saya ini tidak seharusnya dibuat tetapi saya mintalah kerajaan untuk *study* dengan teliti. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kinrara silakan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Tua.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Untuk menjawab soalan awal Bukit Gasing, saya hendak maklumkan. SW ataupun yang pentadbiran Kerajaan Pusat, Menteri dia orang...orang Selangor. Ketua Pengarahnya pun bekas YDP di Selangor. Jadi, jangan bimbang kita akan ada masalah dengan perkara tersebut. Tapi mereka ada minat untuk bergabung dengan KDEB Waste. Untuk menjawab soalan Sungai Pelek, saya rasa dah dua tiga kali kita jelaskan. Kita jangan melihat *incinerator* sekarang sama seperti *incinerator* masa versi pertama pada tahun 98 dan 99. Sebab daripada lawatan wakil-wakil kita ke negara-negara yang terbabit sama ada di Eropah, Italy, sama ada di China, sama

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

ada ke Greece, sama ada ke Korea Selatan, ni *world wide* dan Switzerland yang dibuat oleh *world wide* ke semua tempat tersebut, kualiti udara yang keluar daripada *plant* tersebut kadangkala lebih baik daripada persekitaran di tempat-tempat tersebut. Sebab mereka sudah mempunyai mekanisme untuk menghalang habuk, asap dan pencemaran-pencemaran yang sepatutnya dapat dikeluarkan di sana. Itu *promise* yang dapat kita keluarkan dan kalau ia melanggar *certain level*, operasinya kita akan hentikan dan operasinya kita akan tahan. Dan, pada ketika ini kita tak boleh terus kepada *landfill*. Yang Berhormat, sebab *landfill* akhirnya akan mengganggu saiz tanah kita. Saiz tanah untuk *development*. Satu-satu *landfill* memerlukan lebih 20 tahun untuk pulih selepas ia digunakan sebagai tempat pembuangan sampah. Itu yang kedua.

Dan yang ketiga, berkenaan dengan *tipping fees* itu memang satu perbincangan yang hangat di antara Kerajaan Negeri dengan MUSTAG dan KPKT tidak ketinggalan untuk mendapatkan *the good tariff*. Isunya ialah adakah kita akan mendapat tarif yang baik daripada pihak kementerian. Kalau tarifnya baik, kita boleh pastikan *tipping fees*nya rendah. Tapi kalau *tipping fees*nya tidak *sustainable*, kita juga tidak akan meneruskan kerana ia akan mengganggu dan juga ia tidak boleh dilaksanakan sekarang. Tapi di masa depan Yang Berhormat saya tak nampak ada *solution* lain ataupun cara dan kaedah lain yang lebih baik, yang lebih *environment* sebenarnya dan juga mampu mengurangkan saiz guna tanah terhadap penyelesaian sisa pepejal, kalau kita teruskan dengan *landfill* dan sebagainya. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Sungai Tua.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Boleh satu lagi, sedikit?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Kalau kita ikut cadangan Sungai Pelek kalau tak bina *waste to energy* plant ini bermaksud kita kena buka *landfill* yang baru sebab Jeram ni akan penuh tidak lama lagi dan kalau buka *landfill* dekat kawasan Jeram, Wakil Rakyat terima tak? So, berapa kos kalau kita nak beli tanah dan *tipping fee* tentu akan naik kalau kita perlu beli tanah baru untuk buat *landfill* yang baru kan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Saya masukkan itu dalam hujah saya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Saya sambung sikit lagi dah sebut fasal Jeram ni kan? Saya tak kisah, saya tak kisah kalau buat kat Jeram. Saya cuma minta untuk *waste to energy* tu pastikan 90% pekerja tempatan. Itu saya ada minta dah tu dengan Worldwide.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Itu soalan ke cadangan? (gelak) Terima kasih nanti kita akan lihat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** OK. Baiklah, kita teruskan pada soalan seterusnya, soalan nombor 80. Hulu Kelang.

**8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :**

Puan Timbalan Speaker, soalan saya

nomor 80.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : KEDUDUKAN SEBENAR PERMATANG KUARTZA SEBAGAI TAPAK WARISAN DUNIA UNESCO**

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan pernah menyatakan permohonan Tapak Warisan Dunia UNESCO tidak diteruskan kerana tidak mencukupi syarat. Terkini, dinyatakan jajaran baru ECRL tidak akan melalui kawasan sensitif iaitu Permatang Kuartz yang dirancang dinobatkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Mana satu yang betul?

**Y.B. TUAN LEE HOY SIAN :** Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Kajang.

**Y.B. TUAN LEE HOY SIAN :** Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Hulu Kelang ya. Permatang Kuartz Gombak Selangor (PKGS) bukan satunya Permatang Kuartz yang terdapat di dunia. Terdapat lain-lain kuartz seperti di Negara Kanada, India, Perancis, Jerman, Scotland dan Rusia. Apa yang menarik berkaitan dengan PKGS adalah keunikan dan keindahan landskap yang terbentuk dari permatang kuartz itu sendiri serta merupakan mineral kuartz (terdedah di permukaan) yang terpanjang di Malaysia. Dalam masa yang sama, Permatang Kuartz Gombak Selangor dilihat menerima impak dari tekanan pembangunan yang tinggi dari kawasan sekitar sehingga mengakibatkan keaslian tapak PKGS semakin terjejas dan bagaimana kerajaan berusaha untuk memelihara keaslian tapak tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada penemuan pengalaman dan juga kriteria yang ditetapkan oleh pasukan pakar mendapati bahawa Permatang Kuartz Gombak Selangor masih belum bersedia untuk dicalonkan sebagai Tapak Warisan kerana nilai estetik PKGS adalah tidak terlalu luar biasa (superlative) jika dibandingkan dengan tapak-tapak lain yang jika dibandingkan dengan tapak-tapak lain yang turut menggunakan kriteria yang ditetapkan oleh UNESCO seperti Monarch Butterfly Biosphere Reserve (Mexico), Kilimanjaro National Park (Tanzania) dan Jiuzhaigou Valley Scenic and Historic Interest Area, China.

Yang kedua, Permatang Kuartz Gombak Selangor mempunyai dua.. data tentang rekod sejarah pembentukan bumi yang sangat penting (fakta geologi). Namun, kajian saintifik,

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

penyelidikan, penerbitan dan sumber rujukan serta maklumat yang khusus berkenaan kuartza di Permatang Kuartza Gombak Selangor masih terlalu terhad. Yang ketiga, aktiviti rekreasi di luar kawalan seperti pakej-pakej rekreasi (hiking) yang ditawarkan melalui internet secara tidak sah boleh merosakkan integriti tapak PKGS. So, yang keempat, *Conservation Management Plan* (CMP) perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebelum sesuatu tapak dicalonkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. So, memandangkan wujudnya kekangan Permatang Kuartza Gombak Selangor sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO tersebut, pasukan pakar telah mencadangkan supaya Permatang Kuartza Gombak Selangor dijadikan salah satu geosites bagi pembangunan Geopark di Negeri Selangor.

So, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke-6 tahun ni yang diadakan pada 27 Februari 2019 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang Ke-7 pada 13 Mei 2019 telah menimbangkan dan bersetuju perkara-perkara berikut antaranya mengambil maklum hasil penemuan Kajian Dossier PKGS sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO dan kedua meluluskan cadangan Permatang Kuartza Gombak Selangor sebagai sebahagian Tapak Geopark Kebangsaan sebelum dicalonkan sebagai Tapak UNESCO Global Geopark.

So, Kerajaan Negeri melalui PLANMalaysia@Selangor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor) sedang menjalankan kajian Geopark Gombak-Hulu Langat Selangor di mana kajian ini akan mengenal pasti potensi dan kekuatan tapak-tapak warisan berunsurkan geologi yang terdapat di daerah Gombak dan Hulu Langat sebagai aset warisan Negeri Selangor dan untuk memastikan terus terpelihara. Pemilihan...pemilihan Daerah Gombak dan Hulu Langat sebagai tapak geopark adalah berdasarkan :-

- 1) Keputusan mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Geopark Kebangsaan Bil. 9/2016 pada 23 Februari 2016 yang telah menyenaraikan Geopark Gombak-Hulu Langat Selangor sebagai salah satu daripada 20 Geopark yang berpotensi untuk diiktiraf sebagai Geopark Kebangsaan di Malaysia.
- 2) Laporan Kemajuan Pemetaan Sumber Warisan Geologi di Selangor/Wilayah Persekutuan Selangor yang telah disediakan oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) pada tahun 2000 yang melaporkan terdapat beberapa tapak dalam Daerah Gombak dan Hulu Langat berpotensi sebagai geopark dalam pembentukan Geopark Gombak-Hulu Langat Selangor.

So, untuk makluman, jajaran ECRL (Projek Laluan Rel Pantai Timur) yang terdahulu pernah dicadangkan untuk merentasi kawasan Permatang Kuartza Gombak Selangor di Daerah Gombak. Walau bagaimanapun, berdasarkan pembentangan daripada Malaysia Rail Link Sdn. Bhd., jajaran terbaharu ECRL tidak lagi merentasi Daerah Gombak. So, cadangan jajaran ECRL yang terbaru hanya melibatkan empat (4) daerah iaitu Hulu Langat, Sepang, Kuala Langat dan juga Klang yang akan merentasi di Negeri Selangor dalam anggaran lebih kurang 50 kilometer. Dengan itu, adalah jelas bahawa laluan ini tidak lagi merentasi Permatang Kuartza Gombak Selangor di Daerah Gombak. Oleh itu hasrat negeri untuk memelihara tapak Permatang Kuartza Gombak Selangor dapat dikekalkan dan boleh dimartabat sebagai tapak Geopark.

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

So, kesimpulannya, walau di mana tapak Permatang Kuarta Gombak Selangor berada di Tapak Geopark UNESCO atau Tapak Warisan Geopark Kebangsaan pihak Kerajaan Negeri akan memastikan ia tetap akan terpelihara. Ini menunjukkan komitmen yang tinggi oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan Permatang Kuarta Gombak Selangor sebagai warisan negeri terus terpelihara dan dinikmati oleh generasi yang akan datang. Sekian.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.00 pagi, dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2020 Semua Peringkat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan. Saya menjemput Y.B. Pelabuhan Klang sekiranya ada perkara yang ingin disentuh mengenai Jadual B 12, Jabatan Kerja Raya. Silakan.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, muka surat 92, saya sambung semalam butiran program berkenaan dengan Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor. Saya ingin menyambung sedikit tentang penyelenggaraan jalan raya dan juga jambatan, saya mohon untuk pihak JKR Negeri Selangor melihat semula, penyelenggaraan jambatan-jambatan yang ada di dalam Negeri Selangor ini terutama sekali kepada penyambungan jambatan. Banyak kita tengok masalah jambatan-jambatan ini adalah disebabkan penyambungannya tercabut di sana dan sini dan menyebabkan kemalangan kecil ataupun kemalangan yang besar berlaku, dan ini menyusahkan dan merbahayakan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya. Jadi saya harap pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor kena memikirkan kaedah yang lebih baik kerana kebanyakan penyambung-penyambung jambatan ini rosak berulang kali dan selalu dibaiki dan ini menyebabkan Kerajaan Negeri terpaksa mengeluarkan kos yang sama terhadap kerosakan yang sering berulang di tempat yang sama terutama di kawasan Pelabuhan Klang ini, banyak kenderaan berat menggunakan jambatan-jambatan ini dan antara penyumbang kepada kerosakan penyambung-penyambung jambatan. Jadi saya harap pihak Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor perlu buat kajian apakah kaedah yang terbaik untuk ataupun teknologi yang terbaik untuk digunakan bagi menyelesaikan masalah isu penyambung-penyambung jambatan ini.

Dan seterusnya saya ingin ke muka surat 96, Butiran Program Aktiviti 505300, JKR Klang Kod Objek 11000 Gaji Dan Upahan, 26000 Bekalan Mentah Dan Bahan-Bahan Untuk Penyelenggaraan , 27000 Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain. Termasuk juga 28000 Penyelenggaran Dan Pembaikan Kecil. Saya tengok, bekalan mentah dan juga bahan-bahan dan semua belanjawan yang disediakan untuk tahun 2020 bagi JKR Daerah Klang juga diturunkan daripada tahun lepas sedangkan bajet yang tahun 2019 ni juga tidak cukup tapi tahun 2020 terpaksa lagi dikurangkan. Dan apakah dengan pengurangan bajet ini, untuk tahun 2020 akan menyelesaikan isu ataupun masalah jalan di kawasan daerah Klang. Jadi saya harap pihak Kerajaan Negeri Selangor tengok semula untuk peruntukan JKR Daerah Klang ini, kenapa dikurangkan. Perkhidmatan dan pembekalan ni, saya risau

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

sebab memang ada banyak masalah di kawasan. Memang selalu pun kita dapat jawapan daripada JKR Daerah Klang, minta maaf Yang Berhormat, terutama sekali apabila masuk bulan Julai, Ogos, September mengatakan bajet dah tiada Yang Berhormat, bajet dah tiada untuk menyelesaikan aduan-aduan yang dibuat oleh pengguna. Dan satu lagi saya memohon kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor dan juga Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor untuk memikirkan kaedah secara *in house*, saya masih ingat lagi semasa Yang Berhormat Bandar Baru Klang selaku EXCO Kerajaan Tempatan walaupun 14 bulan beliau banyak melaksanakan kejayaan antaranya ialah mewujudkan skuad pantas di kawasan PBT-PBT di Negeri Selangor. Dan sekarang ini kalau ada apa-apa masalah pun isu macam banjir semalam yang berlaku di kawasan Telok Gong malam tadi, skuad yang terawal sampai ialah skuad pantas.

Tetapi untuk pihak JKR ini, kita tidak ada skuad *in house* maknanya kerja-kerja yang dibuat oleh petugas sendiri, ataupun pekerja JKR sendiri, di mana semua kerja-kerja kebanyakannya dikontrakkan ataupun dibuat oleh pihak luar, malah pihak JKR Daerah Klang nak ada sekali pun tiada. Macam mana nak baiki lampu-lampu dan nak baiki lampu ini pun terpaksa guna dan upah kontraktor dan kena melalui proses sebut harga. Sepatutnya pihak JKR Daerah Klang kena ada unit sendiri untuk membaiki kerosakan-kerosakan kecil seperti tampal jalan berlubang, membaiki lampu tak perlulah semua pembaikan ini kita nak lantik kontraktor, sepatutnya wujudkan *in house team*, kita panggillah apa pun, janji ia dilaksanakan dengan segera aduan-aduan kita dapat menyelesaikan dengan segera aduan yang dibuat oleh pihak masyarakat, kadang-kadang kita nak tengok, kita nak tukar satu *bulb* lampu pun kita kena upah kontraktor sedangkan itu boleh dibuat di jabatan sendiri. Kita tengok pihak PBT pun sama, ia memang ada Jabatan Kejuruteraan dan kalau ada kerosakan sana sini, memang pihak *in house* yang buat, tak perlu kita nak upah pihak kontraktor. Jadi saya harap mungkin pihak JKR Klang perlu diberikan perhatian oleh pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor kerana pihak JKR Klang ini, keluasannya sangat luas melebihi 500km persegi dengan kepadatan penduduk berjumlah 1.4 juta orang dan memang dah tentu banyak kenderaan di kawasan ini, tapi saya tengok bajetnya dikurangkan, dipotong dan saya harap pihak Kerajaan Negeri fikirkan lah semula bagaimana untuk diberikan bajet yang lebih kepada JKR Daerah Klang. Jadi itu saja permintaan daripada Pelabuhan Klang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 93, item 514000 Pembinaan dan Penyelenggaraan Bangunan Am, kod objek 11000 untuk perkara penyelenggaraan bangunan. Ini adalah berkenaan dengan tenaga solar seperti mana saya selalu suka bercakap di dalam Dewan ini, kita mendapat *feedback* daripada pihak Agensi Kerajaan yang ingin memasang solar perlu mendapat kelulusan JKR untuk membuat perubahan struktur kepada bumbung dan kadang-kadang ini merumitkan proses dan kadang-kadang kita pun ada banyak kerja lain, dan apabila ia merumitkan proses, Agensi-agensi Kerajaan tidak bergerak ke hadapan. Dan kita lihat agensi swasta yang lebih banyak yang memasang solar berbanding dengan Agensi Kerajaan walaupun Agensi Kerajaan boleh menjimatkan duit. Jadi saya hendak mengharapkan JKR di Negeri Selangor akan menjadi proaktif untuk membuat *framework* ataupun *guideline* macam mana Agensi Kerajaan boleh *deal* dengan syarikat solar, *solar energy purchased* untuk mereka memasang sistem solar kepada bangunan-bangunan yang sedia ada. Dan juga untuk bangunan baru yang dicadangkan pembangunan kita

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

cukup banyak perkara, bangunan baru pun harus datang *design* nya harus sedia ada daripada awal. Dan juga JKR boleh mempertimbangkan menggunakan *solar as a building material* dengan izin untuk bumbung itu, tak payah buat bumbung itu pasang solar atas bumbung, solar itu boleh menjadi bumbung, material bumbung pada sesetengah bangunan baru yang bakal dibina. Jadi itu perkara pertama.

Perkara nombor 2 sedikit kecil tetapi memang menjadi satu gangguan di kawasan DUN Bukit Gasing, muka surat 93 juga item 501300 Pembinaan dan Penyelenggaraan Jalan raya dan Jambatan. Di mana ada tiga persimpangan di Petaling Jaya dengan Lebuh raya Persekutuan di Jalan Universiti, Jalan Timur dan Barat dan Jalan Utara. Persimpangan-persimpangan ini adalah bertingkat dan *metal joint* di *flyover* ini memang tidak rata dengan permukaan jalan. Ini disebabkan apabila jalan buat *resurfacing* dia tidak buat *mix and paste* sepatutnya jadi macam ada satu longkang di sana. Dan ini kereta yang lalu akan merasai longkang tersebut dan selepas membuat aduan sebelum ini di Dewan ini, saya lihat ada sesetengah *metalstrip pv* yang telah ditampal dengan bitumen dan ini saya rasa tidak *proper* dari segi *engineering* untuk menampal *metalstrip* ini dengan bitumen untuk mengatasi masalah tidak rata jadi saya harap perkara ini boleh dibetulkan lah. Saya rasa tidak perlu satu bajet pembangunan yang besar tetapi sedikit peruntukan MARRIS boleh digunakan untuk membetulkan perkara ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya hendak menyentuh butiran program 505300 JKR Klang, objek 28000. Seperti mana yang disebutkan oleh Pelabuhan Klang tadi, bajet untuk JKR Klang telah diturunkan pada tahun ini, ini satu keimbangan bagi pihak kami, khususnya bagi ADUN di dalam daerah Klang sebab kita terpaksa berebut 9 DUN, bayangkan 9 DUN akan berebut dengan bajet ini. Dan saya lihat antara punca permasalahan di Klang ini, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat EXCO Infra berkaitan dengan jalan-jalan yang usang, jalan-jalan lama yang ada di kawasan daerah Klang ini, yang sewajarnya kita memikirkan untuk memastikan penumpuan itu lebih kepada JKR Klang dan banyak pembaikan-pembaikan yang di buat dari segi hasil kerjanya yang tidak kemas, yang mana kadang-kadang baru satu dua hari diperbaiki, ia rosak balik atas kualiti yang amat mengecewakanlah. Dan dalam masa yang sama, saya mengharapkan waktu, antara punca saya teringat, tengok perkara ini berlaku, waktu masa penurapan itu dilakukan pada masa yang tidak sesuai. Contohnya waktu ketika hujan, musim hujan. Dan saya perhatikan kebanyakan projek-projek pembaikan dilakukan ini pada waktu ketika hujung-hujung tahun. Macam nak menghabiskan bajet, begitu tergesa-gesa menghabiskan bajet yang menyebabkan jalan itu ditampal pada ketika musim hujan dan menyebabkan ia mudah rosak. Ini yang menjadi, saya lihat bagaimana wang kerajaan banyak kali dihabiskan untuk memperbaiki tempat yang sama, sebab itu kadang jadi laluan utama yang menyebabkan berulang kali terpaksa diperbaiki dan duit itu habis di situ saja. Sedangkan banyak tempat lain yang perlu diperbaiki. Begitu juga penyelenggaraan longkang-longkang di bawah JKR dan sebagainya yang perlu menggunakan perbelanjaan yang besar yang saya fikir mungkin Kerajaan Negeri memikirkan untuk menambah ataupun meningkatkan lagi peruntukan untuk JKR Klang sebab kawasan JKR Klang ini adalah kawasan-kawasan tumpuan yang sentiasa dilalui oleh kenderaan-kenderaan berat sebab ia kawasan industri pelabuhan dan sebagainya dan mungkin kita boleh memikirkan solusi pihak Kerajaan yang boleh membuat pembaikan dalam jangka masa dengan teknologi yang baru dengan jangka

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

masa panjang bukan berkali-kali melakukan pembaikan yang boleh menyebabkan perbelanjaan wang rakyat dihabiskan pada satu tempat yang sama sahaja. Ini perkara yang perlu kita pertimbangkan dan saya mengucapkan tahniah kepada pihak DUN Pelabuhan Klang sebab dia dapat RM50juta, jadi Meru ni tiada daripada Kerajaan Pusat. Jadi mungkinlah disebabkan itu hendak menghasut sikit supaya mungkin JKR Klang tu banyakkan ke Meru, jangan bagi sangat ke Pelabuhan Klang tu, sebab dia dah banyak. Meru dengan Sementa lah sebab tempat kami bayak tempat yang rosak yang perlu diberikan perhatian. Dan saya mencadangkan juga supaya mungkin pihak Kerajaan boleh, orang kata memikirkan juga bagaimana untuk kita meningkatkan dari segi kualiti kerja atau memantau kerja-kerja kontraktor ni lebih kerap. Sebab saya nampak banyak kerja-kerja dari segi kualitinya amat mendukacitakan. Ini berlaku banyak di Meru, di Sementa, di Pelabuhan Klang sendiri seperti mana saya sebutkan tadi yang baru beberapa hari saja diperbaiki tetapi telah rosak disebabkan kualiti dan kerja-kerja yang mungkin saya rasa dari segi pemantauan itu masing kurang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Meru. Silakan Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Timbalan Pengurus, saya merujuk kepada muka surat 97, butiran 505400 JKR Kuala Langat. Secara khususnya kepada kod 28000 Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Diberi. Saya melihat bahawa masih ada berlaku lagi bila isu berkaitan dengan lampu pencahayaan di kawasan luar bandar terutamanya, dan jawapan yang diberikan adalah disebabkan oleh peruntukan yang tidak mencukupi. Dan saya lihat peruntukan untuk penyelenggaraan beberapa pembaikan kecil ini juga semakin menyusut bukan saja di Kuala Langat, di daerah-daerah lain juga begitu. Saya kira ini harus diambil sebagai satu perkara yang penting juga terutama jika di Kuala Langat ini, di kawasan kampung Sijangkang, ada juga kawasan industri dan industri juga melibatkan pekerja-pekerja tempatan dan luar yang mana berlaku juga kejadian-kejadian yang tidak diinginkan jenayah dan sebagainya berlaku malam, gelap, dan ini mengundang risiko untuk berlaku. Saya berharap jumlah peruntukan ini harus di lihat semula supaya ianya dapat sedikit perkara-perkara sebegini dapat diselesaikan segera. Satu perkara lagi adalah berkaitan melibatkan kadang-kadang *traffic light* ya, lampu isyarat ya. Walaupun ini berlaku di kawasan jalan-jalan Persekutuan tetapi kadang-kadang *respond* nya agak lambat. Masalah yang saya dapat maklumat daripada *technician*, kadang-kadang *confuse* atau *adjust* masa, mana yang rosak kadang-kadang ambil masa. Dan kadang-kadang tidak ada peruntukan dan ambil pula kat *traffic light* yang lain. Yang kurang risikonya dia letakkan dekat tempat bermasalah atau berisiko tinggi. Dan saya kira ini tidak seharusnya berlaku sebab kedudukan *traffic light* sendiri begitu juga sebenarnya mempunyai fungsi yang harus dilakukan dengan cepat dan segera. Seperkara lagi saya melihat ada lagi jalan-jalan JKR yang mana telah membangun di kawasan perindustrian apabila kita katakan kenapa? Saya bawa ke Mesyuarat Kuala Langat, kenapa tidak Majlis Daerah Kuala Langat memantau dari pada sudut bila lampu rosak pencahayaan, Majlis Daerah mengambil. *Respond* yang diberikan walaupun jalan kawasan perkilangan tetapi masih lagi masih lagi dipunyai oleh JKR dan tidak diserahkan kepada PBT. Saya kira kalau ini dilakukan mungkin sebahagian besar daripada tanggungan oleh dari JKR dapat dikurangkan dan PBT boleh membantu apabila jalan ini diserahkan kepada pihak Pihak Berkuasa Tempatan. Seperkara lagi saya lihat mungkin satu perkara yang baru, saya tidak tahu. Tapi baik *respond* nya apabila berlaku penurapan jalan, premix yang lama akan dibuang. Saya tidak tahu dulunya di bawah satu kontraktor di bawah pakej, kemudian dijual dan sebagainya. Tetapi apa yang berlaku di kawasan saya tempoh hari

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

premix itu terus dibuang di bahu-bahu / di tepi-tepi jalan dan ini saya kira ia amat membantu pada sudut kekuatan bahu jalan terutamanya di kawasan kampung yang kita maklum sebahagian besar tanah di kampung di Selangor ini jenis tanah yang lembut. Apabila premix yang lama ini menguatkan bahu jalan dan saya kira sistem jalan yang lebih baik terutamanya di kawasan kampung dapat diperhebatkan lagi . Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Sijangkang. Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker, saya hendak cerita sikitlah! tentang Ijok ini. Ijok awak sedih, kalau tengok jalan-jalan di kawasan Ijok. Ada jalan yang baru siap tak sampai 2 tahun, jalan pekan Ijok ke Bestari Jaya. Jalan Saga banyak kali diturap di Jalan Saga. Jalan Bestari Jaya ke Ijok baru siap tetapi kalau Tuan EXCO pergi dah mula banyak berlubang. Ada kemalangan baru-baru ini motosikal jatuh sebab bila hujan, mereka tidak tahu jalan itu berlubang ke tidak. Jadi saya haraplah! saya tahu, kawasan saya memang tanah gambut tetapi bila buat, masalah bertimbun. Kerajaan rugi, tiap-tiap kali nak turap. Apa Ijok cadangkan meningkatkan penguatkuasaan, pemantauan lori-lori yang amat berat, kadang-kadang sampai lori 20 roda. Dah sebab mereka jalan Ijok itu dari NKVE ke Port Klang. Ikut Ijok *short cut*. Jadi itulah! Ijok minta tolong kepada EXCO dan Kerajaan Negeri memantau jalan-jalan yang kita baiki/kita buat tetapi cepat rosak. Ini membahayakan masyarakat Ijok. Sekian.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Ijok. Baik. Adakah Banting akan berucap? Tunggu sekejap ya. Ok.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Hulu Kelang. Hulu Kelang

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Hulu Kelang

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Puan Timbalan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan isu di muka surat 95 JKR Gombak, aktiviti 505200, Kod 11000- Upah dan Elaun. Saya telah timbulkan isu ini pada sesi yang lepas. Di mana tempat-tempat yang berlaku bertindihan contohnya di tempat saya, di kawasan Hulu Kelang adanya MMR2. Satu *facility* yang sangat penting bagi mengatasinya perkara kawasan-kawasan Hulu Kelang, Gombak dan Ampang. Di situ ada kawasan-kawasan yang tidak urus. Kalau kita di bawah JKR. JKR itu katanya bawah JKR Pusat dan ada yang mengatakan JKR Gombak. Tapi saya beri aduan pada JKR Gombak dan telah diberi layanan. Terutamanya jejantas-jejantas seolah-olah tiada diselia. Masa saya sihat dulu, saya selalu buat tinjauan di jejantas yang tinggi-tinggi tu kebanyakannya daripada bumbungnya telah pecah. Saya buat aduan dan aduan telah diambil. Dan ada juga kawasan-kawasan *interchange* (dengan izin) adanya *round board*, adanya *fly over* yang banyak kawasan yang di bawah tu ada kawasan yang tidak di terurus terutamanya yang melalui Hulu Kelang iaitu di Klang Gate, di kawasan Seri Ukay, AU3 dan di kawasan Ampang. Di situ adanya along-along punya *sticker*. Di situ ada kawasan sampah-sampah yang tidak terurus. Bekas *contraction* yang tertinggal dan tidak terurus. Jadi, bagaimanakah pemantauannya saya tidak tahu. Jika kita aduan. Aduan ini tidak berubah. Jadi saya di satu tempat, saya mendapat aduan daripada penduduk, kawasan itu mereka tahu itu bukan kawasan MPAJ jadi peniaga-peniaga kereta-kereta terpakai meletakkan kereta mereka. Kerana MPAJ tidak boleh ambil tindakan, kata mereka.

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Akhirnya, setelah aduan banyak diterima daripada penduduk dan saya beri aduan kepada JKR untuk ambil tindakan. Dan dikatakan, di bawah kawasan itu telah *highway* DUKE, *Interchange* MRR 2. Jadi saya ingin mencadangkan antara lain. Kawasan-kawasan yang bertindih ini dalam kawasan diletakkan label macam cerun-cerun MPAJ yang ada sungai, ada laluan air diletakkannya kod nama, jadi kita sebagai kita sebagai ADUN boleh adukan kepada MPAJ di mana ia berlaku. Tapi kalau saya lalu di MRR 2 dan banyak bahagian lagi DUKE, SUKE kalau macam-macam nama ini jadi kita banyak masalah. Kalau label itu diletakkan *signboard* dengan jelas dan taklimat diberikan kepada wakil rakyat dan Ahli Majlis pun faham jadi kita pun senang nak buat *complaint*. Saya ingin mengajukan di sini agar tolonglah, rayuan saya agar Jalan MRR 2 itu di atasnya yang ada jejantas, yang bawahnya ada *interchange* dapat diselia dengan baik oleh pihak-pihak yang dipertanggungjawab. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Hulu Kelang. Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY ABU BAKAR :** Terima kasih Pengerusi. Di bawah Butiran 51300, muka surat 93, Kod B12 di bawah objeknya 23000. Saya hendak maklumkan bahawa Jalan Lapangan Terbang menuju ke Jalan Kewajipan hendak menghala ke Subang Jaya di tepinya adalah Kelab Golf SS7, Kelana Jaya. Jalan ini kerap kali banjir. Apa yang saya dapat aduan dan dalam pemerhatian saya kedudukan jalannya jalanya yang tidak sama. Tidak rata, ada yang berlekuk ataupun tidak sama rata, ini juga yang menyebabkan kesesakan jalan raya di situ, jadi saya mohon perhatian. Apabila berlaku hujan, dia akan banjir di kawasan itu sahaja yang mengakibatkan kesesakan jalan yang panjang, jadi saya mohon perhatian. Sekian. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Seri Setia. Rawang.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT :** Terima kasih Tuan Pengerusi,cuma ada dua perkara ada soalan dua perkara. Satu adalah berkenaan disebabkan di Malaysia ini *monsoon rain* ia akan berlaku pada musim sekarang September – Disember. Musim sekarang adalah musim yang menyebabkan rosak jalan dan juga longkang. Cuma kita sentiasa berlaku satu maslah adalah waktu musim ini masa sampai Disember sudah tiada peruntukan so adalah Kerajaan Negeri Selangor adakah *solution* berkenaan isu ini disebabkan kekurangan peruntukan ini . Keduanya adalah berkenaan dengan cadangan untuk menggunakan MARRIS untuk selenggara jalan Persekutuan. Tahun ini mempunyai cadangan ingin Kementerian cuma adakah ini akan dilaksanakan sebab ada orang/pihak yang berbanding jalan negeri dan jalan persekutuan kerana jalan negeri di selenggara dengan baik tetapi jalan persekutuan kekurangan peruntukan untuk di selenggara. Itu sahaja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Rawang. Silakan Kampung Tunku.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI :** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya ingin merujuk muka surat 95, Butiran Program 505100, JKR Petaling. Kod Objek 26000 - Bekalan Mentah dan Bahan-bahan Untuk Penyelenggaraan, dan juga Kod Objek 28000 Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang di beri. Saya lihat bahawa peruntukan turun untuk tahun 2020, saya ada kebimbangan tentang itu terutamanya penyelenggaraan lebuh raya persekutuan. Keduanya, saya dapat sedikit kebimbangan tentang bagaimana peruntukan digunakan sepanjang tahun. Misalnya dalam kes Lebuh Raya Persekutuan pada tahun ini kami

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

mendapati bahawa Jalan 222 ke Lebuh Raya Persekutuan ia banjir. Dan apabila dibangkitkan Mesyuarat Jawatan Kuasa Tindakan Daerah pada bulan Julai kami difahamkan / diberitahu bahawa rumah pam telah rosak. Ok, kita faham rumah pam rosak dan mungkin berlaku. Apa yang dijawab juga adalah peruntukan sudah habis. Dan masa itu bulan Julai sahaja. Saya rasa ini amat mengejutkan. Selain itu di Lebuh raya Persekutuan laluan motosikal sangat gelap dan ini diberitahu kerjanya lambat sebab tiada peruntukan. So, saya harap ini dapat dilihat oleh Yang Berhormat EXCO bagaimana peruntukan digunakan sepanjang tahun adakah ia betul samada peruntukan cukup atau tidak cukup? Ketiganya, saya amat bersetuju cadangan Yang Berhormat Pelabuhan Klang berkenaan *squad* PANTAS kerana kami sebagai ADUN di kawasan Petaling sering mendapat aduan yang, saya rasa kira kecil dan boleh diselesaikan dengan segera misalnya gril longkang longgar di sepanjang Lebuh Raya Persekutuan dan permukaan jalan yang tidak rata. Jadi saya harap semua itu dipertimbangkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Kampung Tunku. Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Saya merujuk kepada Butiran 505100, Kod Objek 28000 - Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil. Ini berkaitan dengan Jalan Bukit Badak, Kampung Melayu Subang depan Taman Subang Baru (kawasan gerai). Saya mengucapkan terima kasih kerana pihak MBSA MBSA telah buat jalan, tapi jalan itu dia sebelah itu bawah MBSA, sebelah itu bawah JKR. Jadi bila dibuat jalan itu dia bertingkat dan tengah-tengah itu ada tiang elektrik pula. Jadi tak ada penghalang untuk kereta bergerak dari satu jalan ke satu jalan yang lain yang selalunya dia akan rosakkan kereta dan sebagainya, mendatangkan bahayalah. Saya haraplah sangat pihak JKR dapat melihat dan juga dengan MBSA, saya rasa ada pertelingkahan itu kawasan nampak gaya. Jadi, kerja dia buat tapi tidak mendatangkan keselamatan kepada pengguna jalan di kawasan tersebut. Saya dah cadangkan dulu, tiang itu diubah dan jalan itu diratakan supaya memberi keselesaan kepada penduduk Kampung Melayu Subang dan sebaik mungkinlah, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baiklah, dijemput pihak Kerajaan untuk memberikan penjelasan. Silakan Pandan Indah.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Puan Timbalan Pengerusi. Nampaknya begitu banyak komen dan pertanyaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat menjadikan setakat ini yang paling popularlah ini, JKR. Dan cuma saya hendak mengingatkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sebahagian besar yang diperkatakan di sini berkait rapat dengan bajet di bawah Pembangunan. Jadi kita telah pun berkali-kali mengingatkan ini kita membincangkan pengurusan. Jadi kita akan sampai bangunan kemudian, walau bagaimanapun saya akan memberikan komentar ulasan apa yang telah dibangkitkan. Bermula dengan Pelabuhan Klang, Cuma saya hendak sebutkan di sini sebarang penggunaan yang disebutkan dari segi kod ini, semuanya melibatkan bekalan, selenggaraan, pejabat-pejabat JKR sahaja dan kuarters. Bukan libatkan aspek pengurusan jalan, penaiktarafan, itu di bawah pembangunan dan di bawah MARRIS. Tidak ada, belum lagi sampai jadi ini hanya selenggaraan-selenggaraan yang diberikan itu jumlah-jumlah itu tidak melibatkan pembangunan. Jadi kalau ada sikit-sikit bekalan itu untuk *emergency*, jalan-jalan *emergency* saja. Sebab itu angka dia kecil, jadi difahami benda ini ya.

## 8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

Berhubung dengan komen daripada Pelabuhan Klang yang telah saya dapat maklum, menerima RM50 juta itu, ulasan yang berhubung dengan jalan, biar saya kongsi sikit berhubung dengan kaedah yang digunakan oleh JKR dan kita akan gunakan lagi ke depan. Ini berhubung bagaimana kita hendak menguruskan jalan supaya teknologi jauh lebih baik. Disebut oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang tentang CIPR, bukan CPR ya. Atau pun itu dipanggil Cool In Place Recycling (CIPR), itu di mana ini berkait rapat dengan jalan yang mengalami kerosakan struktur sahaja. Bukan untuk *resurfacing* atau pun *pop hole*, ini bukan ya. Ini lebih kepada jalan yang kerosakan pada struktur *pavementnya*. Jadi ini apa yang kaedah yang dibuat ini ialah dia akan mengorek atau membuat *milling* kepada *pavement* ini dan dia pecah hancurkan dan di campur dengan bahan penstabil dan selepas itu dia hamparkan balik. Ini teknik ini digunakan boleh membantu dari memberi ketahanan yang lebih baik pada jalan dan mengurangkan kos daripada kita mengimport *premix* yang baru untuk jalan berkenaan. Ini dah mula guna buat julung kalinya digunakan di Klang ini, bukanlah kita dah pakai banyak kali, ini baru dan kita akan mengambil segala langkah-langkah perlu untuk memastikan supaya TMP kita atau pun *traffic management plan* itu akan dibuat dengan baik. Dari segi pemakluman dan sebagainya, dan saya hendak sebutkan benda-benda baru ini dia adalah dalam kajian. Kita bila kita buat, kita kena memerhatikan dia bukan boleh buat segera dan kita perluaskan, dia memerlukan kajian. Kerana kita tak hendak nanti, sebarang teknologi kita ambil dan terus laksanakan dan kita dapati kemudian tidak mendatangkan kebaikan langsung pada kita. Ini kita perlu buat kajian dan diperhatikan di beberapa tempat dan apabila ada ulasan-ulasan berdasarkan kepada prestasinya dan kosnya barulah kita boleh perkembangkan ke tempat-tempat lain. Jadi saya harap beri sedikit masa untuk kita ketengahkan semuanya. Ada lagi teknologi yang kita boleh berkongsi di sini yang kita telah mula laksanakan itu dia dipanggil CRMA. Dan CRMA ini ialah di panggil apa disebut *crumb rubber modified asphalt*. Crumb rubber ini ialah getah yang telah dipakai di *shred* di recik, saya tak hendak sebut macam Yang Berhormat Seri Setia tadi, ialah silap raban jadi gabai dan sebagainya. Jadi apa yang berlaku ialah tayar-tayar terpakai ini telah direcikkan dia punya getah itu dan di campur dengan *asphalt* yang dimodifiedkan dan digunakan kembali ke jalan. Kita telah gunakan sejak 2018 di Negeri Selangor dan masih kita mengkaji dan masih melihat prestasinya. Dan kos yang terlibat supaya kita bukan saja berjaya mewujudkan jalan yang lebih tahan tetapi pada masa yang sama kos kita pun dapat digunakan dengan lebih efektif. Dan terbarunya ialah CLMA yang dipanggil iaitu *cuplump modified asphalt*. Ini menggunakan dengan kerjasama Getah Malaysia, kita menggunakan getah asli ini, di campur dibuat kompaun dan di campur dengan *asphalt* dan digunakan di 5 jalan sekarang ini. Dan kita telah membuat kajian, di bawah Jalan Federal di Negeri Selangor, 5 jalan telah pun dilaksanakan dan kita sedang meneliti dan melihat prestasi. Tapi setakat ini kita dapati kosnya jauh lebih tinggi, kos dia tinggi sikit. Dan tujuan ini bukan saja untuk melihat kemampuan getah ini untuk memperbaiki prestasi jalan. Dalam masa yang sama juga kita hendak supaya penggunaan getah ini diperluaskan untuk membantu pekebun-pekebun kecil kita menaikkan harga getah. Ini merupakan usaha Kerajaan tapi kita dah sebut kerana hendak mempromosikan getah ini atau pun hendak naikkan harga getah, tapi kita tak bolehlah menyebabkan kos jalan meningkat. Jadi ini mestilah ada keseimbangan dalam kita melaksanakan kerja-kerja jalan ini ya.

Dan telah RM10 juta telah diperuntukkan untuk CRMA dan CLMA ini untuk dilaksanakan di Selangor dan RM6 juta ini untuk CRMA. Ini yang saya sebut penggunaan getah asli tadi dalam jalan. Dan yang paling terbaru yang saya dah sebut semalam dalam penggulungan, saya sebut sikit lagi, iaitu penggunaan *carbon fyber* atau pun pengeras *fyber* bagi

## 8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

memberikan kekuatan kepada jalan ini yang baru saja kita bawa balik, masih panas lagi. Ini pun saya telah bincang dengan JKR dan mengenal pasti jalan-jalan. Yang pastinya bukan di Port Klanglah sebab dia dah banyak jalan-jalan dia dapat itu, mungkin kita buat di Merulah. Jadi untuk memberikan, melihat sebagaimana yang saya sebut ini semua adalah dalam proses untuk pelaksanaan untuk dikaji dan lihat keberkesanannya. Dan kalau kita berjaya kita akan perluaskan. Dan juga termasuk teknologi penyelesaian kepada isu lubang jalan atau pun *pot hole*. Ada 2 teknologi yang kita telah bawa balik dan kita akan mula laksanakan iaitu penggunaan *jetpatcher* dan *termalpatcher*. Apa yang berlaku ini *termalpatcher* ini dia akan mencairkan lubang itu di sekitar itu dan yang *premix* atau *bitumen* itu akan jadi leburkan dan dicampurkan dengan baru. Jadi dia tidak ada lagi lubang jalan itu tidak terasing yang lama dengan yang baru. Dia dah dicantumkan digaulkan sekali. Ini teknologi yang sedang digunakan malah saya perhatikan bila digunakan masa hujan masa itu pun, masih lagi boleh dilaksanakan tak perlu tunggu hujan berhenti. Ini teknologi-teknologi ini kita akan mula perkenalkan dan kita akan lihat keberkesanannya dan saya hendak menyebut sekali lagi, kita ada *road geng* sebenarnya dipanggil *road geng*, yang dipanggil skuad pantaslah apa ini sebenarnya nama dia *road geng*, ini bahasa lama dulu-dulu dikekalkan sampai hari ini, *road geng* ini tapi bukan *gengster* ya. Jadi *road geng* ini memang petugas dalaman JKR yang menjalankan sendiri kerja-kerja ini dengan penggunaan *jetpatcher* ini dan *termalpatcher* ini kita akan meningkatkan macam disebut oleh Pelabuhan Klang tadi bahawa kerja-kerja apa ini semua hendak pakai kontraktor. Kali ini kita akan perluaskan sikit skop kerja daripada dalaman JKR supaya dapat dilaksanakan sebab apa, kita dapat macam penggunaan *jetpatcher* dan *termal* ini tak perlu ramai, 2 orang boleh buat kerja untuk *patching* ini. Dia tak perlu, dia tak ada lagi hendak potong tak perlu lagi. Jadi bukan saja kita dapat mengurangkan kos malah saya sebut semalam, saya sebut dia boleh bagi gerenti 2 tahun. *Pot hole* yang ditampal itu menunjukkan keyakinan mereka dalam melaksanakan dari segi teknologi ini. Jadi kita boleh laksanakan di sini dan dia mengurangkan jumlah pekerja. Kalau biasa ramai, dia 2 orang saja dah cukup untuk melaksanakan kerja-kerja ini. Jadi itu kita akan perhatikan juga, bukan saja teknologi tapi juga penggunaan tenaga manusia yang lebih efektif.

Tentang kecurian kabel ini pun telah diperkatakan bukan Negeri Selangor saja menghadapi masalah ini banyak negeri. Kecurian kabel bukan saja di pihak JKR, PBT pun menghadapi masalah yang sama. Satu ketika dulu kita ingat bila bola sepak hendak di Stadium kita, malam bola sepak tiba-tiba air banjir, rupanya hendak bila *pump*, *start pump* tak boleh *pump* sebab *pilifider* semua dah kecurian peralatan mereka. Ini berlaku dan untuk tujuan ini pihak JKR telah mengenal pasti antara perkara yang kita sedang buat pertama ialah untuk lampu jalan dia punya servis *door* dia panggil tempat yang dia pintu dia buka itu, sekarang ini ketinggian dia lebih kurang 0.6 meter daripada jalan. Jadi untuk salah satu kaedah yang paling mudah tapi sebenarnya sangat berkesan, kita naikkan pintu itu lebih tinggi susahlah sikit dia. So, sekarang ini cadangannya ialah semua akan dinaikkan 2 meter dan telah pun dilaksanakan di beberapa tempat dan didapati berkesan untuk mengurangkan hasrat pencuri-pencuri ini untuk mencuri kabel. Itu yang pertama, yang kedua yang kaedah yang kita pakai ialah yang mahal itu *cooper* dalam kabel ini. Jadi kita tukar sekarang daripada *cooper* kabel kepada aluminium punya kabel. Aluminium dia lebih murah dan dia kurang minatlah kalau aluminium ini. Bermakna itu satu lagi kita telah mula laksanakan.

Yang ketiga ialah penggunaan macam mana Bukit Gasing Yang Berhormat Bukit Gasing sebutkan tadi, penggunaan solar. Jadi kita telah mula melaksanakan pelaksanaan penggantian lampu-lampu jalan kepada lampu solar. Tapi dia melibatkan kos, bajet pun

## 8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

*limited* kita kena buat berperingkat-peringkat. Penggunaan lampu solar dengan teknologi solar yang ada hari ini, jauh lebih baik lebih berkesan dan itu tentulah sekali akan mengurangkan kecurian kes-kes kecurian kabel, kabel tak ada hendak curi apa. Kemudian yang satu lagi komponen penting yang selalu menjadi masalah kecurian ialah *filderpillar*. *Filderpillar* ini pun sama akan dinaikkan supaya tidak terletak sama level dengan tanah atau pun jalan. Dia akan dibuat lebih tinggi dan di Negeri Pahang telah pun dilaksanakan JKR Pahang. Dan didapati ia memang berkesan untuk mengurangkan kes-kes kecurian ini.

Jadi itu antara beberapa perkara yang dan saya juga sebutkan berkali-kali, Ahli-ahli Yang Berhormat ada menyebut tentang sambungan jambatan. Ini dalam istilah kita *expansion joint*, *expansion joint* ini peranan dia ialah untuk mengambil menyerap akan perubahan cuaca suhu pada negara kita ini. Dia panas sejuk, panas sejuk ia menyebabkan *expansion* dan *contraction*, saya pun tak tahu Bahasa Melayu, *expansion* ini pengembangan dan pengecutan. Jadi benda itu perlu ada pada sambungan antara jambatan ini untuk mengelakkan daripada *crack*. Itu memang dibuat dan kadang-kadang ini menjadi masalahnya bila sambungan ini tidak dibuat dengan baik atau pun selepas lama *ware and tay* menyebabkan ada sedikit *bumpish* dekat kawasan-kawasan ini. Itu kita akan tengok bagaimana dapat kita perbaiki, tentulah kalau letak bitumen atas itu, *definitely* menyalahi peraturan. Tapi itu yang berlaku, saya pun melalui kereta yang sama, kereta saya pun kena kadang-kadang terkena juga benda-benda ini terutama depan nak masuk kita punya ini pun menjadi, nak masuk dewan kita pun berdebam-debam juga ya. Jadi kita akan pastikan balik dan tengok bagaimana kaedah yang terbaik untuk menyelesaikan isu ini ya.

Jadi saya pergi kepada sebenarnya JKR Klang ini kalau tengok dari segi pengurusan sebenarnya tak banyak mana perbezaan daripada tahun lepas. Hanya dalam RM200 ribu itu saja, jadi harap ini selenggaraan ya bukan melibatkan pembangunan. Jadi kita akan pergi kepada pembangunan nanti.

Bukit Gasing menyebut mengenai solar, kita sebenarnya sudah luluskan untuk JKR penggunaan solar bagi bangunan JKR Selangor ini. Dan kita telah luluskan itu dan sekarang di peringkat kajian. Kita difahamkan oleh TNB sebelum dia dapat melaksanakan dia kena melihat dari segi kesesuaian bangunan, dari segi saiz, bumbung yang terdedah kepada matahari, itu perlu buat kiraan dan sebagainya. Itu sedang dibuat untuk meneliti keberkesanannya atau pun potensi sama ada sesuai atau tidak atau banyak mana. Makna ini proses itu perlu dilakukan tetapi saya lebih melihat kepada penggunaan solar yang jauh lebih luaslah sama ada dari segi lampu jalan tadi, penggunaan lampu *traffic* dan juga komponen-komponen lain, bangunan-bangunan lain yang perlu direka lebih awal. Makna dia kita tidak perlu menunggu bila bangunan dah siap itu, baru hendak mencari syarikat yang untuk hendak pasang, mana benda ini perlu dibuat lebih awal, jadi saya akan minta pihak JKR juga akan beri kajian dalam bangunan-bangunan yang di bawah pengurusan mereka termasuk masjid surau sebab masjid surau pun direka bentuk oleh JKR untuk mengambil kira aspek penggunaan tenaga solar ini dalam pembangunan atau merekabentuk bangunan-bangunan. Bukan sahaja bangunan sedia ada termasuk juga bangunan yang akan dibina supaya lebih teratur reka bentuk bangunan cuma lebih teratur. Itu yang menjadi keperluan dan saya mengambil perhatian tentang komen daripada Yang Berhormat Bukit Gasing tentang jalan timur, barat dan utara itu tentang *expansion joint* yang saya sebut tadi itu. Meru pun sama soalan yang berulang tentang keadaan jalan yang kita *on going* cuma satu lagi kaedah yang saya masih tengah melihat ialah bagaimana kita hendak menyelesaikan isu tapak atau *base sub base* kita ini jalan ini yang melibatkan jalan

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

yang saya sebutkan semalam itu *marine clay* dan tanah gambut yang ditimbulkan oleh Ijok juga. Sebab apa dia kalau kita hanya menampal jalan kita sahaja atau menurap jalan kita dalam keadaan jalan kita pun dah *expired*, tidak ada penaiktarafan baru jadi kita akan menghadapi masalah tidak lama, kejap saja buat dah menjadi masalah. Itu punca utama sebenarnya struktur jalan dan saya dah sebutkan semalam kita kawalan dari segi kenderaan ini kita tak ada kuasa di bawah JKR. Ini di bawah pihak-pihak yang berkuasa JPJ ataupun yang lain bukannya di bawah jadi kemampuan JKR untuk nak memantau sepanjang masa jalan siapa bawa muatan lebih itu sangat sukar, jadi ini yang menjadi masalah kita.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Boleh saya mencelah.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Okay, sila.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Ini masalah yang kadang-kadang yang melibatkan agensi-agensi lain sebagai polis, JPJ dan juga pejabat daerah. Saya dapat bahawa jalan ini diguna 24 jam jadi agensi-agensi ini kadang-kadang mereka kerja *office hours* ataupun selewat-lewatnya pukul 8.00 malam, 10.00 malam tetapi yang masalah jadi menimbulkan masalah kerana lori-lori ini lalu selepas 10.00 malam. Jadi adakah kaedah baru ataupun kerjasama Kerajaan Negeri Selangor dengan agensi polis dan JPJ memantau jalan ini selama 24 jam.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan ada juga.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Banting, sambung.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih. Kerajaan Negeri Selangor untuk makluman Yang Berhormat pernah atau sudah pun melancarkan *e-pocket* untuk lori-lori pasir dan saya kira itu adalah satu cara yang bagus kerana kita menggunakan teknologi untuk mengawal pergerakan pasir, lori-lori pasir sehingga laluan yang digunakan kita pun tahu juga tetapi ianya hanya untuk lori-lori pasir sahaja dan sekiranya teknologi itu sudah wujud adakah boleh kita mewujudkan satu perbincangan seperti yang dinyatakan Ijok tadi supaya JPJ dan JKR melihat kembali cara mereka memantau pergerakan lori-lori dan kenderaan-kenderaan berat yang mempunyai lapan roda, sepuluh roda, kontena supaya mereka tidak menggunakan laluan-laluan bukan semua jalan negeri ada jalan negeri yang sangat canggih boleh pakai tetapi ada juga jalan negeri yang terletak di tengah-tengah kampung pun nampak juga lori kontena menggunakanannya dan merosakkan jalan. Jadi saya kira itu adalah sesuatu yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk menjalankan kajian terperinci bagaimana menggunakan teknologi untuk memantau. Sekiranya didapati lori itu menggunakan jalan yang tidak dibenarkan kita melaksanakan tindakan penguatkuasaan. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sijangkang

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Berkaitan dengan teknik tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat EXCO, di kawasan saya tempoh hari dia ada satu projek printis yang menggunakan simen untuk mengukuhkan jalan tanah gambut ini pada peringkat tambakan kasran dan saya tidak tahu sejauh mana keberkesanannya tetapi di dalam beberapa projek yang baru ini juga diguna pakai teknik yang sama menggunakan simen mungkin EXCO boleh maklumkan soal keberkesanannya daripada penggunaan sistem cara ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Tuan Speaker, satu tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Minta maaf, terima kasih penerangan yang jelas oleh Yang Berhormat EXCO Pandan Indah. Cuma saya hendak cadangkan di sini tentang berkenaan JKR memang tidak boleh untuk mengawal kenderaan itu kerana itu adalah kuasa di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan, Polis, SPAD, JPJ dan saya ingin mencadangkan di sini bahawa pihak JKR mungkin boleh berbincang dengan pihak Kementerian Pengangkutan ataupun pihak SPAD ataupun pihak JPJ. Berkenaan dengan tambahan kenderaan-kenderaan berat yang diluluskan permitnya, sewenang-wenang begitu. Saya ambil contohlah sekarang ini kalau tengok syarikat lori kontena yang permit *prime mover* dia tulis KA itu adalah lori-lori kontena. Dulu ada lima atau enam atau paling tinggi pun sepuluh syarikat saja tetapi sekarang ini diluluskan secara berleluasa tanpa kawalan ada 303 buah syarikat dan laporan yang terkini yang saya dapat dari pihak Lembaga Pelabuhan Klang menunjukkan ada 8,525 *prime mover* maknanya kenderaan untuk lori kontena sahaja tak masuk lori treler, lori pasir, lori kargo, lori kayu, lori simen semua tak masuk hanya lori kontena menjadikan jumlah *prime mover* 8,525 dan setiap satu *prime mover* ini ada 7 treler dibenarkan untuk ditarik jadi kalilah tujuh treler kali lapan *prime mover* jadi berapa banyak kenderaan jadi akhirnya ianya diluluskan tanpa kawalan sedangkan jumlah kontena yang hendak diangkat itu tidaklah banyak dan akhirnya berlaku persaingan harga dan bila berlaku persaingan harga, mereka mengejar trip dan mereka tidak memikirkan aspek-aspek keselamatan ini seperti untuk memastikan kenderaan-kenderaan mereka berada di dalam keadaan yang baik. Jadi saya harap dah sampai masanya pihak JKR kena membekalkan maklumat dan data bahawa berapa kemampuan jalan raya-jalan raya yang sedia sekarang ini di dalam Negeri Selangor maksimum dalam masa 24 jam supaya ada panduan kepada pihak Kementerian Pengangkutan untuk meluluskan lagi permit-permit kenderaan berat ataupun yang sebahagian daripadanya. Itu sahaja cadangan dan pandangan saya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Okay, silakan Pandan Indah.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Ijok, Banting dan juga Sijangkang dan juga Pelabuhan Klang kerana memberikan pandangan-pandangan balas berhubung isu jalan ini. Sebagaimana yang saya sebut tadi kita mempunyai pelbagai agensi yang terlibat dengan pemantauan penggunaan jalan ini dan saya rasa saya akan mengambil langkah-langkah itu bagaimana untuk menyelaras berhubung dengan penggunaan jalan-jalan kita ini. Tentang maklumat yang disebut oleh Pelabuhan Klang itu sebenarnya JKR ada maklumat-maklumat kemampuan jalan semua ada tapi masalah pelaksanaannya macam mana. Berhubung dengan pemantauan dari segi saya baru ini bukanlah kita nak cerita kita pergi luar negara, baru ini saya kebetulan di Holland daripada

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Amsterdam ke Rotterdam lebih kurang sejam lebih dan dia merupakan pelabuhan antara pelabuhan yang tersibuk di dalam dunia tetapi apabila kita duduk atas jalan itu, kita dalam kereta terasa begitu *smooth* mungkin kena bawa Yang Berhormat Pelabuhan Klang pergi sama dan sedangkan kita tahu Holland ini memang duduknya di bawah paras laut. Dia dan tanahnya memang tanah gambut dan berpaya tetapi teknologi yang dia gunakan dalam itu mungkin kita kena *find out* apa sebabnya jalannya cukup cantik dan pelabuhannya sangat sibuk dan ini antara kerisauan bukanlah pertanyaan yang kita selalu tanya kenapa, duduk sekejap bagi saya habis dulu nanti lupa idea jadi kadang-kadang pertanyaan bagaimana kualiti jalan kita begitu teruk dan juga keadaan *maintenance* yang tinggi. Kita kalau saya congak-congak balik kos jalan penaiktarafan, *maintenance* jalan kita di Selangor ini dalam setahun saya anggarkan dekat 1 bilion, kalau campur dengan PBT, campur dengan MARRIS campur semua hampir 1 bilion kita belanjakan untuk jalan sama ada jalan baru, jalan sedia ada *maintenance* dan sebagainya sekitar 1 bilion setahun. Itu merupakan satu angka yang sangat besar tetapi mutu jalan kita sangat saya sendiri terkesan dengan perkara ini jadi itulah sekarang kita sedang usahakan pelbagai kaedah malah di Klang sendiri pun kita ada cadangan untuk kawasan kita yang begitu hampir dengan *port* ini supaya ada *dedicated highway* untuk lori berat sahaja yang kenderaan lain tidak boleh gunakan. Itu kita ada cadangan, itu kita pernah JKR pernah buat cadangan itu tetapi sampai hari ini belum ada respon sebabnya kosnya yang agak tinggi tapi kita dah kena mulakan memikirkan begitu penggunaan-penggunaan jalan kita sebab apa saya dah sebutkan semalam juga had muatan lori-lori ini tak pernahnya ikut had muatan boleh kata semua, kalau JPJ atau polis tahan itu *confirm* kena *compaund* memang lebih dan ini yang berlaku pada hari ini dan jalan kita tidak boleh tahan dan saya dah sebut semalam jalan kita ini hampir lebih 50% telah pun *expired* melebihi 20 tahun 30 tahun dan tidak mampu menahan akan bebanan lori-lori yang lebih muatan ini lalu di kawasannya. Jadi kita tampalkan pun apa-apa kita buat sekejap rosak balik sebabnya strukturnya dah rosak jadi kosnya nak ganti nasiblah kita baik MARRIS telah membenarkan kita untuk kita kalau disebut 15, saya dapat makluman 20% ataupun maksimum 20 juta atau 5 juta untuk penaiktarafan. Ini sahaja yang kita boleh buat penaiktarafan. Kalau *pave and mail*, kalau setakat *paving* dan *mailing*, *mailing* dan *paving* ini tidak akan ada jaminan untuk bertahan lama dari segi jalannya tapi kalau penaiktarafan Insya Allah kita boleh dapat lagi 10 atau 20 tahun jangka umur bagi hayat bagi jalan ini. Ini antara hakikat dia. Saya mengambil juga perhatian tentang aduan daripada Ijok tadi berhubung jalan yang menghubungkan NKVE ke Port Klang ini yang melalui Ijok saya akan lihat cara teliti bagaimana kita akan dapat baiki tempat jalan ini dan juga yang disebut oleh Hulu Klang tadi berhubung dengan jejantas ini yang dibuat MR2 tentulah ini di bawah Federal, Kerajaan Persekutuan, di bawah JKR Persekutuan jadi saya juga akan panjangkan aduan ini kepada mereka untuk mengambil tindakan perlu. Saya pun menghadapi masalah yang sama Yang Berhormat sebab saya pun duduk DUN saya pun dekat-dekat situ juga di kawasan sempadan antara Wilayah dan juga Selangor. Ini memang kita menghadapi sedikit masalah dari segi pertindihan tempat-tempat ini dan saya bersetuju supaya kita ada satu kaedah untuk mengenal pasti di bawah bidang siapa, banyak orang keliru sekarang ini sebab itulah saya masih lagi tengah *push* idea untuk kurangkan agensi terlibat dengan jalan ini supaya kita lebih mudah untuk berurus dan kita masih lagi dalam proses itu, bukan kata saya lupa itu saya tengah buat sekarang ini dan kemungkinan besar kita akan mulakan di daerah Kuala Selangor untuk menjadikan daerah pertama yang kita hanya ada dua agensi sahaja yang terlibat dengan jalan ini iaitu PBT dan JKR sahaja. Ini dalam proses dan kita akan teruskan untuk yang terdekat ini. Silakan Bukit Gasing.

**8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Tadi kata fasal..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bukit Gasing singkatkan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Sangat singkat sebab saya tengok masa. Tadi kata fasal nak pergi Armsterdam nak tengok jalan dan pelabuhan dia macam mana boleh elok. Tapi kalau saya lihat Lebuhraya KESAS okay cuma bila habis KESAS masuk JKR jadi *problem* jadi mungkin tak payah hendak pergi jauh mungkin dekat-dekat dengan kita ini kita boleh dapat penyelesaiannya

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Pandan Indah.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Kita tidak boleh menilai begitu sebab kita kena tengok semua sudut dari segi kos, pembinaannya kalau kata jalan yang di atas tanah gambut atau pun tanah *marine clay* ini memang boleh ada kaedah hendak buat tapi kosnya mungkin tiga empat kali ganda kita *pail* saja *all the way*, memang boleh tetapi adakah itu memberikan kemampuan kita untuk membina jalan ini banyak mana kita boleh buat setahun kalau kita nak ganti. Jadi benda-benda begini..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pandan Indah boleh ayat terakhir.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Kita kena faham, kita kena lihat case by case bagaimana jalan ini boleh dilaksanakan, saya sebut kebetulan saya berada di situ bukan kerana kita hendak bawa rombongan, kebetulan ada di situ. Sikit lagi, daripada Seri Setia tadi Yang Berhormat Seri Setia saya maklum jalan Subang di kawasan yang banjir itu dan juga Rawang penggunaan MARRIS untuk jalan persekutuan sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum tidak dibenarkan sebab itu saya minta supaya JKR ataupun Kementerian Kerja Raya memohon untuk meminda akta bagi membenarkan MARRIS ini digunakan untuk jalan persekutuan, sekarang ini tidak boleh, dia ada peruntukan sendiri untuk penggunaan jalan persekutuan dan.....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Pandan Indah, kita perlu mohon duduk dahulu. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, dewan perlu bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan pukul 12.00 tengah hari dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga jam 3.00 petang. Dewan ditangguhkan.

**(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 12.00 TENGAH HARI)**

**(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)**

**(TUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Selamat petang. *Assalamualaikum W.B.T* Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula sebagai Jawatankuasa Perbekalan.

Dipersilakan Pandan Indah menyambung perbahasan.

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Puan Timbalan Pengurus. Saya menyambung sedikit sahaja lagi berhubung dengan pertanyaan yang timbul tadi daripada Yang Berhormat Kg. Tunku, isu di Jalan Persekutuan ini sebagaimana sedia maklum, ia juga di bawah Jalan Federal dan walau bagaimanapun, kita sentiasa memantau tentang penyelenggaraan di tempat ini, tentang lampu itu memang kes kecurian sebenarnya berulang kali jadi sebagaimana soalan tadi, jawapan saya tadi, kita akan mengenakan kaedah-kaedah baru dalam menyelesaikan, mengurangkan kes-kes kecurian ini dan pam untuk laluan motosikal telah pun diperoleh peruntukannya dan sedang dalam proses untuk pemasangan ya, untuk pengepaman air di laluan motosikal.

Tentang skuad iaitu *Road Gang*, saya dah sebut tadi contohnya macam di Klang, dia ada lima (5), dia ada empat (4) *Road Gang* dan setiap dianggotai oleh lima (5) orang. Jadi, ini hanya kerja-kerja yang *emergency* sahaja, yang kecemasan sahaja yang dilakukan oleh *Road Gang* ini, termasuklah juga tampalan yang kritikal lah, yang perlukan tindakan segera. Jadi, kita akan perbaiki dan saya cadangkan JKR dengan pembelian *Jetpatcher* nanti kita akan perbaiki *improve* lagi *performance* *Road Gang* ini ya. Dan yang, saya *take note* lah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Damansara berhubung dengan jalan di Kampung Melayu Subang ini, seolah-olah saya akan ambil langkah-langkah untuk menyelaras antara MBSA dan pihak JKR untuk, supaya jalan itu dapat sesuai lah di kawasan berkenaan. Saya rasa itu sahaja yang saya boleh jawab. Saya rasa yang lain ini boleh ditimbulkan nanti semasa membahaskan Belanjawan Pembangunan nanti ya, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Pandan Indah. Ahli Yang Berhormat, Jadual B 12 iaitu wang sejumlah RM120,779,645.95 untuk Kepala B 12 Jabatan Kerja Raya menjadi sebahagian Jadual. Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. (Ahli Dewan kata ya). Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B 13 Jabatan Pengairan dan Saliran RM112,302,685.60.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Subang Jaya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 104 Butiran Program 505000 Kod Objek 11000 berkenaan kolumn Dasar Baru, cuma nak penjelasan berkenaan RM2 juta lebih peruntukan itu adalah digunakan untuk apa, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dijemput pihak Kerajaan untuk menjawab memberikan penjelasan.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Yang Berhormat. B13

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ok saya persilakan Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Ok, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya tak pasti sama ada dalam Perbekalan ataupun dalam Pembangunan sebab

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

ini isu Tasik Cova yang melibatkan penyelenggaraan Tasik itu sendiri. Isu Tasik Cova ini Yang Berhormat, dah lama dah, sejak saya jadi Ahli Majlis dahulu. Cerita pasal masuk mahkamah, keluar mahkamah, keputusan mahkamah pun dah keluar, penduduk pun dah bising dan penduduk dijanjikan bahawa bila mereka membeli rumah tersebut, Tasik Cova itu lah tempat yang baik dan indah, burung pun ada dan sebagainya, dan sekarang ini Tasik Cova itu dah terus sangat. Jadi, saya harap kalau ikut sini di bawah Butiran 512000 Kod Objek 28000, begitu. Jadi, saya harap Tasik Cova ini dapat kita selesaikan lah secepat mungkin sebab saya dah bawa perkara Tasik Cova dalam dua (2) persidangan yang lepas dan jawapan yang terakhir dari pihak Kerajaan menyatakan bahawa *detail* terperinci akan dikaji untuk menyelesaikan masalah Tasik Cova ini. Jadi, saya harap pihak Kerajaan dapat bawakan perkara ini dan selesaikan lah apa yang patut. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Terima kasih Puan Speaker. Merujuk kepada kod yang muka surat 104 di mana kod nya Gaji dan Upah ya, Gaji dan Upah RM9 juta dan kita difahamkan penjaga kunci air hanya seorang di setiap kunci air. Jadi, adakah Kerajaan berhasrat untuk tambah penjaga kerana kalau seorang nak jaga 24 jam, susah payah kerana kadang-kadang terlalu letih, tak sampai nak buka kunci air itu, banjir, seperti hari ini ada banjir kilat di merata tempat. Jadi, saya tanya kepada Kerajaan adakah hasrat untuk tambah Penjaga kunci air? Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Pandamaran. Saya silakan pihak Kerajaan untuk memberikan penjelasan.

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM :** Saya ingat banyak lagi soalan, mungkin disimpan untuk Pembangunan. Tak apa, tak apa. Terima kasih. Tentang soalan daripada Yang Berhormat Subang Jaya tadi, isu RM2 juta itu ialah berkaitan dengan kenaikan gaji ya, tahunan, bagi kakitangan Jabatan Pengairan dan Saliran. Kota Damansara, Tasik Cova ni saya, baru bagi saya, saya kena semak dahulu apa sebenarnya tapi dalam selenggaraan, kalau termasuk dalam milik di bawah JPS, pada dasarnya yang mana yang terletak di bawah tanggungjawab ataupun dah diserahkan kepada JPS, memang JPS ada sediakan peruntukan untuk selenggaraan, tetapi kalau belum maknanya masih dengan Pemaju ataupun pihak ketiga maka, ini menjadi satu masalah yang saya sebutkan, isu-isu ini kita tidak dapat lakukan kecuali ada penyerahan. Ini kita akan lakukan dan biasanya ini pun terletak di bawah Pembangunan, nanti boleh kita lihat di bawah peruntukan Pembangunan.

Tentang kunci air ini, setakat ini memang begitu dasarnya. Kita rasa keperluan itu kita kena lihat mungkin bukan di semua tempat. Kita akan lihat dari segi tempat mana yang kritikal, Klang sentiasa kritikal lah (ketawa). Jadi, kita akan tengok nanti di mana tempat yang kita sentiasa banjir, yang mungkin kita akan buat jadual yang sesuai. Jangan menyampuk (ketawa). Jadi, kita akan tengok balik penjadualan itu bagaimana dapat kita pastikan bahawa kunci air itu. Kita pernah bincang nak *automate* kan tapi kos nya yang terlalu tinggi untuk kita *automate* kan pembukaan pengawalan pintu air, kunci air ini tetapi tidak nampaknya, kos nya tidak begitu menarik dan terpaksa kita kekal kan sistem manual dulu untuk menyelesaikan isu tentang pengurusan pintu, kunci air ini. Terima kasih.

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Pandan Indah. Ahli Yang Berhormat, Jadual B 13 iaitu wang sejumlah RM112,302,685.60 Untuk Kepala B 13 Jabatan Pengairan dan Saliran menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata setuju (Ahli Dewan kata setuju). Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B 14 Jabatan Agama Islam Selangor RM273,806,129.20.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya persilakan Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMY :** *Bismillahirrahmanirrahim.* Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Saya rujuk kepada muka surat 114, memang kita tengok kalau dalam Jadual itu ada penurunan daripada sudut belanja peruntukan kepada JAIS cuma saya rujuk kepada kakitangan dan guru kontrak Butiran Program 547000 apakah penurunan ini ada kaitan dengan bilangan guru? Kalau kita tengok emolumen kos untuk elaun tetap apa semua ini memang ada sumbangan elaun lebih masa dan sekian, sekian ini ada penurunan. Emolumen 10000, Kod Objek 10000 Emolumen ada penurunan ketara juga. Apakah ada pengurangan guru-guru JAIS ini? Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Kota Anggerik. Dipersilakan Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tuan Pengerasi, saya ucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Ahli EXCO dan rakan-rakan Yang Berhormat sekalian kerana pada petang ini, saya akan menyentuh sikit tentang dua (2) perkara, muka surat 110 Butiran 51700 yang berkaitan dengan Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti iaitu 29000. Iaitu tentang tajuk besar, Dakwah. Di antara peranan dakwah yang telah dimainkan oleh JAIS, Jabatan Agama Islam Selangor adalah penerbitan buku. Saya teliti bahawa buku-buku yang diterbitkan itu begitu fokus, menarik, cantik dan kita ada tarikan untuk membaca dan menerimanya sebagai satu bahan ilmiah yang membawa kepada kesedaran. Tajuk-tajuk yang digarap adalah tajuk-tajuk yang merupakan kajian daripada pakar-pakar ustaz dan ustazah *asatizah* daripada JAIS yang bagi saya dia menangani isu yang dihadapi oleh JAIS dan macam mana nak selesaikan dan apa impak dia. Setengah-setengah buku itu diterbitkan berkali-kali, baik, bagus. Dan saya lihat bahawa pendekatannya, pendekatan yang ringkas, *booklet* yang nipis, menarik, menawan, *colourful* dan *very focused* untuk menangani isu-isu yang diperkatakan. Sesuai dengan JAIS sebagai satu badan yang besar, yang menguatkuaskan Islam dan suatu yang berkaitan dengan ajaran Islam, saya berpandangan bahawa sifat *inclusive*, keterbukaan JAIS dalam mendapat dan menggerakkan sumber-sumber kekuatan ilmiah di Selangor hendaklah dimanfaatkan. Tidak kurang banyak lagi tokoh-tokoh di pusat-pusat pengajian tinggi, institut-institut pengajian, pondok-pondok mungkin, madrasah, yang kalau kita gerakkan JAIS mempunyai kekuatan kewangan yang akan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, dia akan menjanaan *pool* ataupun gelombang penulis-penulis yang berwibawa. Dengan sedikit latihan, sedikit tunjuk ajar daripada guru-guru, ustaz, ustazah *asatizah* dalam JAIS, bahawa perkara ini dapat dilakukan. Saya melihat, apa yang, *content* yang perlu dikukuhkan dalam bahan-bahan dakwah JAIS ini adalah suatu yang antara praktikal dan ilmiah. Kalau kita pergi kepada isu-isu yang ditulis *academician* dari PHD yang

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

mendapat *training* di Timur dan di Barat, dia mempunyai satu pendekatan yang *very discussive* maknanya yang berbentuknya, bentuk yang *discuss* dan prop yang tinggi. Jadi, idea ini kurang saya lihat dalam konteks sebahagian daripada buku-buku JAIS yang lebih mendekati pendekatan, bukan *hiwar*, bukan dialog tapi yang naratif nya seolah-olah sehala. Itu pandangan saya ya. Jadi, saya melihat kita mesti gabungkan dia, kita mesti ada buku-buku yang naratif nya sehala, naratif nya *hiwar*, berbentuk dialog. *Hiwar* nya, berdebat dengan cara yang *challenge the mind* dan sebagainya dan saya secara peribadi ada menawarkan buku-buku yang saya terbitkan yang banyak masa saya muda lagi buku itu telah diterbitkan tahun 84,85,86 hingga 89 dan sebahagian dijumlahkan buku-buku itu tidak kurang dijumlahkan lebih kurang 80,000 naskah telah diterbitkan buku-buku saya dan saya telah menawarkan saya nak infakkan buku-buku saya ini tajuk-tajuk tentunya yang sesuai agar boleh dijadikan bahan oleh JAIS. Sehingga ini saya mendapat ucapan terima kasih kepada Y.B. tidak ada tindakan jadi saya sekali lagi menawarkan dan saya menyeru agar JAIS membuka ruang kepada ahli akademik di universiti-universiti, pondok-pondok, sekolah-sekolah semua yang ada untuk menulis kita gerakkan kekuatan menulis ini untuk menuliskan warkah-warkah atau pun booklet yang nipis untuk kegunaan semua itu pertama yang keduanya, adalah berkaitan dengan (Kod 505000) muka surat 108 (Pentadbiran dan Kewangan) saya merujuk kepada Mantan Exco Agama, iaitu bidang Pendidikan iaitu berkaitan dengan dakwah juga tapi berkaitan dengan saya tanya ada kaitan dengan tauliah. Kalau silap saya akan beritahu kalau silap tajuk tapi saya melihat begini saya melihat dakwah ini adalah satu perkara yang patut kita galakkan, dakwah dan seruan, seruan kepada kebaikan dan seruan kepada keburukan di dalam konteks kita dakwah ini menyuruh manusia kepada yang makruf mencegahkan kepada yang mungkar. Dakwah ini satu yang patut kita sanjung kalau kita lihat ada sahabat baru kita berdakwah kita patut berikan galakan sokongan bukan mengata dia dan kadang-kadang kita orang Islam sudah lama Islam pun bila bertemu dengan seorang sahabat Cina atau India yang mengajar dia kata dah berapa ustaz jadi mualaf, ustaz pernah ditanya apa perasaan ustaz sebagai muaalaf, sudah 20 tahun masuk Islam, jadi oleh sebab itu kita hendak satu pendekatan yang lebih terbuka pada pandangan saya kita meraikan kita menghargai kita menyanjung orang yang nak berdakwah ini, terutama kalau dia wakil rakyat, setuju, kerana wakil rakyat ini, kalau dia nak bercakap pasal dakwah nak pakai tauliah boleh tak ada masalah tetapi ada setengah-setengah itu dia tidak pergi situ di lebih approach dia membawa pemikiran, saya sejak menjadi wakil rakyat 2008 saya mendekati pendekatan Al-quran itu dan saya tidak menamakan kuliah sebagai kuliah maghrib, kuliah subuh atau kuliah apa saya panggilkan wacana, wacana al-quran dan sunnah bagaimana saya nak bawa pemikiran sains dengan agama dan agama itu menggalakkan sains. Jadi saya mengambil authority authority yang kuat, seperti (ayat al-quran) dan tokoh-tokoh besar dalam sains dan Islam, saya mengambil ayat-ayat al-quran yang tidak dipertikaikan yang telah di konvensyen yang telah diseminarkan di peringkat dunia untuk mengatakan bahawa ini adalah hampir-hampir kepada *big-bang*, contoh-contohnya antara *big-bang back-hole multi-verse* semua itu ada kalau ada berkaitan ayat al-quran dalam alam semester ini digunakan saya gunakan dengan syarat semester kan telah diseminarkan telah dikonvesyenkan dan di sana beberapa ulamak, saya peranan saya adalah untuk menggahkan menjadikan rakyat Hulu Kelang rasa suka rasa bangga agama dia ada kitab yang begitu rupanya. Jadi itu pendekatan saya bawa benda ini sejak tahun 2008 dan hingga lah saya bukan pergi kuliah saya bukan bagi tauliah bukan bagi khutbah atau bukan bagi ceramah atau pun kuliah maghrib saya bagi wacana. Wacana ini dwi proses "*I give u take, U give I take*" ini kita bincang, jadi dapat sambutan yang baik ada sebuah masjid di luar kawasan saya kawasan jiran saya Kawasan Bukit Antarabangsa yang minta

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Hulu Kelang *direct* kepada persoalan

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Ok, 3 siri, saya nak bagitahu 3 siri, siri 1, 2, 3, saya kata kat dia saya tidak ada tauliah saya tak brief dia tak ada tauliah kerana saya tahu, tauliah ini kalau kita beritahu ada tauliah apa authority orang nak ambil tauliah, adakah silibus tertentu yang menjadikan orang itu mendapat tauliah untuk menyampaikan satu tajuk yang berkaitan al-quran dan sunnah, sains dan al-quran. Jadi dia jalankan program itu pada satu waktu sambutan yang baik di masjid itu, kali kedua pun baik, lebih ramai datang, tapi kali ke-3 dia telefon saya petang itu kata Y.B. tak boleh datang, dia pun *whatsapp* satu surat, surat itu saya *whatsapp* pada Exco Agama, mantan mengatakan bahawa dia mohon satu tauliah sementara *crowd* dah ramai, dia pun takut ada orang *compliant* dia pun *apply* satu tanpa memberitahu saya dia *apply* satu tauliah sementara untuk saya bagi kuliah wacana sains dan al-quran yang ketiga. Apa yang jadi surat itu berbunyi tuan dinasihatkan diarahkan tidak membenarkan YB berucap pada malam ini kerana Tuanku tidak berkenan Ahli Politik berceramah di masjid. Jadi saya beri kepada sahabat saya tapi tak dapat ulasan apa-apa. Ini lah saya nak tanya penjelasan kenapa benda ini menjadi pengaruh kuat kenapa di Selangor ini kalau adakan ceramah orang tak bagi Selangor tokoh-tokoh dari Amerika, tokoh-tokoh dari Britain, tokoh-tokoh dari Jordan dari mana-mana nak adakan tajuk-tajuk yang berbunyi macam liberal sikit tak boleh, Tuanku tak perkenan, ringan sangat guna Tuanku tak bagi saya terlalu ringan guna istilah itu, jadi kita lemah lutut lah bila kata Tuanku kita taat lah, saya tak nak susahkan diri kita, saya sayang diri kita, tapi saya rasa benda ini tidak adil pada Islam, tidak adil pada ilmu, tidak adil kepada orang yang berilmu, tidak adil pada orang yang nak ilmu, sekiranya Selangor ini, nak buat tajuk-tajuk pasal Islam lain yang lain, ada jer orang kata tidak perkenankan jadi saya harap dapat penjelasan, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Hulu Kelang, dipersilakan Sijangkang.

**Y.B. DATO DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Timbalan Pengurus saya nak bawa perkara berkaitan dengan muka surat 109 Pendidikan Islam 515000 (2900) berkaitan perkhidmatan Ikhtisas, perkhidmatan lain yang diberi oleh hospitaliti, saya nak bawa isu yang mungkin boleh digunakan peruntukan ini untuk pihak Jabatan Agama Islam memanggil professor professional dan juga mungkin professor pendidikan JAKIM dan mungkin Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memikirkan dan mempertimbangkan bagaimana guru-guru KAFA kerana guru KAFA di Selangor ini berbeza dengan KAFA tradisional di mana sebahagian daripada di Malaysia ini KAFA nya hanya dua atau tiga hari di dalam masa seminggu tetapi KAFA yang diamalkan di Negeri Selangor ini bersifat macam Sekolah Rendah Agama setiap hari dan guru-gurunya pun mendidik pada yang sama, kalau boleh difikirkan kerana pada hari ini perkhidmatan mereka ini bukan perkhidmatan guru tetap atau pun guru kontrak tetapi bersifat guru rakyat atau pun guru sementara yang mana tidak ada manfaat-manfaat kepada mereka ini, selain perkhidmatan yang telah diberikan untuk membangunkan pendidikan Islam kepada anak-anak kita yang berada di peringkat sekolah rendah, walaupun memang jumlahnya terlalu ramai kalau kita nak fikirkan mungkin akan mengakibatkan kos perbelanjaan daripada sudut gaji ataupun emolumen yang tinggi tapi sudah tiba masanya kita memikirkan di Negeri Selangor ini imbuhan-imbuhan yang sepatutnya mereka juga layak untuk menerima sebahagian daripada mereka ini bila kita katakan kita hujung tahun memberikan bantuan khas kewangan mereka tak dapat sebahagian daripada guru-guru, ketua-ketua guru apabila

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

mereka bersara pun mereka tidak ada dapat apa-apa *benefit* saya melihat bahawa sudah tiba masanya untuk kita fikirkan bagaimana perkhidmatan mereka ini sekurang-kurangnya ada manfaat yang boleh dapat semasa mereka ini memberikan perkhimatan terbaik untuk anak-anak kita dari sudut agama, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Sijangkang, saya persilakan Taman Medan

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI:** Bismillahirrahmannirrahim, terima Puan Timbalan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian tentang beberapa perkara yang boleh diperincikan mengikut perbelanjaan perbekalan untuk Jabatan Agama Islam Selangor yang pertama saya, ingin merujuk kepada butiran bernombor (530000) iaitu pada aktiviti berkait dengan Bahagian Halal JAIS iaitu tentang pada (Kod Objek 21000) (Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup) saya difahamkan Bahagian Halal ini memiliki tugas yang cukup berat dalam menentukan proses untuk memberikan status halal kepada produk-produk atau pun apa juga barang-barang kegunaan yang digunakan supaya ianya boleh diyakini dan juga sebagai sesuatu yang boleh dijadikan sebagai bahan-bahan gunaan atau pun pemakanan yang sesuai mengikut syariat Islam. Antara cabaran-cabaran yang perlu dilalui oleh bahagian ini seperti mana yang saya dapatkan maklumat daripada pegawai-pegawai yang terbabit ialah tentang bagaimana operasinya dari sudut untuk memberikan status tersebut berdasarkan permohonan-permohonan begitu juga tentang penguatkuasaan bila mana terdapat aduan, dan bagaimana pengalaman saya sendiri pun pernah sewaktu satu ketika ada satu pihak pengeluar satu produk di kawasan saya telah memberikan telah menyalurkan satu aduan tentang proses itu begitu sukar lalu saya berharap peruntukan ini sesuatu yang dapat mempermudahkan urusan tersebut oleh kerana kita tahu bahawa sekarang ini pihak Hub-halal JAKIM memberikan kuasa kepada pihak berkuasa agama di negeri-negeri dalam pada batas-batas yang tertentu untuk supaya mereka terbabit dalam proses memberikan cert halal kepada produk-produk yang apa aduan saya terima adalah katanya pengeluar itu menyatakan bahawa ada satu kesukaran untuk memenuhi tuntutan iaitu dari segi bila mana tempat memproses bahan makanan itu dengan tempat menyimpan itu adalah sesuatu yang satu begitu sensetif kita tahu pergerakan itu akan menjelaskan status dan halal ini bukan sekadar halal tapi halal lagi baik “halalan toyiba” yang baik bersih dan sebagainya.

Cuma yang boleh menjelaskan itu katanya kalau kadang-kadang ada masanya perjalanan tapi aduan saya terima itu bila saya lihat tempat lokasi itu ialah sekadar seberang jalan dan Alhamdullillah saya ucapkan terima kasih, kepada pihak JAIS kerana mempermudahkan dan pihak itu sudah dapat status tersebut, dan begitu juga saya mengharapkan bahawa perbekalan ini juga digunakan sebaik-baiknya untuk menjadikan kefahaman kepada status halal sebagai sesuatu yang difahami sepenuhnya oleh masyarakat ia antaranya JAIS terlibat dalam kursus-kursus sembelihan kemudian bagaimana untuk memberikan kesedaran kepada bukan sekadar pengguna kepada dan juga kepada pengeluar kepada setiap produk. Saya sarankan umpamanya sasaran halal dunia ini boleh mencecah nilai *trillion dollar* seluruh dunia. Saya pernah umpamanya kalau kita lihat dilapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, KLIA kita lihat banyak syarikat penerbangan yang mana kalau kita naik pesawat dari KLIA naik apa jenis pun jangan risau soal untuk kita menikmati hidangan di dalam pesawat itu, cuma bagaimana ianya juga pihak kalau ada lah umpamanya inisiatif yang boleh diberikan untuk supaya ianya diperluaskan dan begitu juga saya lihat penyertaan di dalam aktiviti halal ini saya sarankan juga untuk bukan sekadar

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

dengan kempen-kempen tertentu dalam negara kita ada (3) tiga program yang besar membabitkan halal yang pertamanya anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang dinamakan sebagai MIHAS, *Malaysia International Halal Showcase*. Maknanya kalau sebaik-baiknya pihak JAIS kerjasama JAKIM boleh terbabit di dalam program tersebut. Begitu juga yang saya pernah pergi satu lagi namanya Halal di bawah Pengusahaan Usahawan yang menyasarkan tentang untuk supaya status ini sebagai status yang boleh menjadi satu piawaian yang standard piawaian yang seragam untuk status tersebut dan kita tahu seperti mana apa yang telah dinyatakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Bahagian Agama yang menyatakan bahawa Label Halal Malaysia ini sesuatu yang cukup bernilai tinggi sehingga mana-mana dalam negara pun merujuk bahawa Halal Malaysia ini adalah sesuatu yang dipandang tinggi dan menggunakan kaedah serta mekanisme yang ditetapkan supaya proses itu sesuatu yang boleh mencapai sasaran supaya status itu mendapat keyakinan. Kemudian juga saya ingin membawa kepada Yang Berhormat sekalian untuk melihat kepada Butiran Program yang bernombor 516000 pada muka surat 109 iaitu tentang Bahagian Undang-undang Keluarga. Penambahbaikan kepada operasi Bahagian Undang-undang Keluarga ini sesuatu juga perkara yang saya berpandangan perlu diberikan perhatian dari segi meningkatkan kualitinya seperti Bahagian Undang-undang Keluarga ini satu bahagian yang memiliki peranan dan tugas yang cukup besar terutamanya soal perkahwinan. Antaranya ialah bagaimana Kursus-kursus Pra Perkahwinan sesuatu yang di bawah tanggungjawab Jabatan Agama Islam Selangor yang saya rasa boleh menjadi platform untuk dipertingkatkan lagi keberkesanannya. Kalau saya lihat JAIS ini bagusnya satu yuran kursusnya murah RM80.00 kekal lagi berbanding di negeri-negeri lain seperti Wilayah Persekutuan naik RM120.00. Saya ucapkan syabas kepada JAIS, masih menjaga kebijakan rakyat Negeri Selangor lagi. Lalu boleh digunakan sebaik-baik begitu juga Undang-undang Keluarga juga buat program perkahwinan ramai-ramai. Itu juga satu perkara yang perlu diberikan sokongan dengan jumlah bayaran yang perlu dibayar pesertanya dengan jumlah yang begitu rendah tapi ditampung dengan perbelanjaan yang akan dibiayai oleh peruntukan yang diperoleh oleh JAIS. Jadi saya lihat peruntukan ini walaupun ada sedikit kadar penurunan tetapi wajar juga di lakukan secara berhemah untuk ia dimanfaatkan baik-baiknya. Insha Allah. Saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Pengerusi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Taman Medan. Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya, ini perkara ini dibawa baru-baru ini iaitu tentang saya tengok VOT B14 tidak ada surau yang ada masjid sahaja. Masjid-masjid Negeri tiada. Saya hendak bawa perkara ini kerana baru-baru ini saya pergi ke surau, Alhamdulillah kita ada elau diberi kepada imam, bilal, siak dan sebagainya. Bagus, tapi ada satu surau yang *special* sikit iaitu Surau Jumaat. Surau Jumaat ini siak kena kerja lebih masa setiap minggu dia kena siapkan alatan dan persiapan untuk sembahyang Jumaat. Jadi saya harap terutamanya siak-siak yang mana siak surau Jumaat kalau boleh saya minta Kerajaan Negeri atau pun JAIS pertimbangkan untuk memberi satu bentuk token, memang mereka sudah ada tapi untuk siak itu sendiri. Satu bentuk token ataupun ganjaran kerana usaha mereka mempersiapkan 4 kali Jumaat dalam sebulan. Harapkan dipertimbangkan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Kota Damansara. Banting silakan.

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya, saya ingin pergi ke muka surat 108, B024 butiran program 505000 Kod Projek 110000 Gaji dan Upahan berkenaan dengan Perancangan Staff, berkenaan Pensijilan Halal di mana saya menerima pemakanan sihat seperti vegetarian semakin mendapat sambutan di kalangan warga muslim dan terdapat juga ramai pengusaha restoran *vegetarian* yang tidak berunsurkan agama pun berminat untuk mengembangkan pasaran mereka ataupun perniagaan mereka ke pasaran muslim tetapi nampaknya informasi yang ada pada portal-portal yang ada sekarang ini kurang sangat untuk pengusaha-pengusaha makanan *vegetarian* ini dan saya memohon kalau boleh diberi sedikit penerangan dan juga taklimat kepada wakil rakyat bagaimana pensijilan ini boleh disempurnakan. Ini yang pertama yang kedua juga berkenaan kod objek yang sama iaitu berkenaan Gaji dan Upahan berkenaan Dengan Program-program Yang Dirancang Oleh JAIS. Pada suatu waktu dahulu saya masih ingat bukan sahaja JAIS termasuk juga Jabatan Agama Islam di negeri-negeri lain pernah menganjurkan banyak program *outreach* yang mana Jabatan Agama Islam akan menghubungi dan berkomunikasi dengan rakan-rakan kita *mostly non muslim* untuk memberi penerangan terhadap ajaran agama islam dan juga menjalin hubungan yang lebih erat. Saya rasa sebenarnya perkara itu pernah dilaporkan dan mendapat *respond* yang positif di dalam media tetapi kebelakangan ini saya lihat program-program seperti ini seolah-olah tidak langsung berlaku langsung. Saya tidak pasti adakah ia dibatalkan tapi saya rasa wajarnya ia diadakan dan diteruskan malahan diberi perancangan dan peruntukan yang lebih banyak supaya persepsi orang ramai yang saya katakan ini sebagai Islamophobia itu akan boleh dikikis dengan konsep dahulunya kita ada konsep Maqasid Syariah dan juga kemudiannya ada konsep Rahmatan Lil Alamin yang diperjuangkan oleh rakan-rakan kita daripada Hulu Kelang, daripada Cempaka dan sebagainya tetapi saya rasa itu akan membantu dan saya berharap Kerajaan Negeri Selangor akan memikir sama ada dari segi gaji dan upahan kita ambil orang yang boleh membantu kita mencapai matlamat ini kerana sekarang ini kita kata Muafakat Nasional itu kebanyakannya bukan muafakat sangat Yang Berhormat Taman Templer, Muafakat Nasional itu kadangkala kata labelnya muafakat sahaja tetapi retorik politik dan retorik perkauman, retorik ekstremis masih banyak masih menebal. Jadi apabila kita mahu memastikan Negara dan Negeri Selangor ini aman makmur damai dan demokratik saya rasa kita perlu juga pegawai-pegawai, pendakwa-pendakwa dan juga pendakwah-pendakwah dan juga rakan kita dari masyarakat muslim yang boleh yang mempunyai wawasan dan jiwa yang sama. Sekian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Banting. Taman Templer.

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Terima kasih Timbalan Pengerusi. Pendidikan Islam muka surat 109 Kod Objek 20800 Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil. Cuma saya hendak minta pihak Kerajaan Negeri supaya lebih peka soal berkaitan dengan pendawaian elektrik di Sekolah-sekolah Agama sebab dalam siri lawatan kita turun ke sekolah-sekolah agama ini dan kita dimaklumkan oleh pihak pentadbiran ada pendawaian yang agak usang yang memerlukan pemerhatian daripada pihak Kerajaan Negeri dan soal berkaitan dengan Muafakat Nasional sekarang ini Muafakat Nasional tetapi Gagasan Sejahtera sudah berakhir. Kita kesian kita tengok ada satu parti yang bertanding di Tanjung Piai dulu sama-sama dalam Gagasan Sejahtera tetapi sekarang ini bila parti itu telah berkawan dengan satu parti yang besar jadi parti itu pun dibuang oleh parti yang sudah bersama-sama di dalam Muafakat Nasional itu. Cuma hendak komen sikit apa yang disebutkan tadi oleh Banting.

## 8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kita menjemput pihak Kerajaan untuk memberikan penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih kepada seluruh Ahli Dewan yang menunjukkan minat yang tinggi terhadap Jabatan Agama Islam. Kalau boleh saya memberi maklum balas satu persatu atas makluman yang telah diberikan berkenaan dengan penurunan yang dibangkitkan oleh Kota Anggerik adalah selaras dengan dasar kita kepada pengurangan 4% dalam sudut pengurusan namun begitu ia tidak melibatkan sebarang pengurangan bilangan guru-guru sekolah di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam dan insyaallah kita masih mempunyai bilangan guru yang secukupnya untuk membuat pendidikan agam islam di sekolah-sekolah Jabatan Agama Islam. Cuma ia mungkin melibatkan beberapa perkara-perkara tertentu seperti tuntutan dan sebagainya yang kita boleh elakkan ataupun kita boleh selaraskan melalui bidang pengurusan-pengurusan tertentu dan seterusnya menerbitkan pentadbiran yang berhemah. Ahli Yang Berhormat sekalian saya juga ingin memberikan maklum balas berkenaan dengan apa yang di timbulkan oleh Hulu Kelang berkenaan penerbitan buku, konteks dakwah dan juga cara dan kaedah penyebaran dakwah di dalam masjid-masjid dan surau di bawah kelolaan Masjid dan Surau di dalam Negeri Selangor. Sememangnya kita menerbitkan buku-buku malahan saya selaku Pengurus Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam menggalakkan agar kita dapat menerbitkan beberapa kitab-kitab yang sewajarnya menjadi rujukan di masjid-masjid dan surau-surau kita dan seterusnya mendidik para pendakwah, para Dai kita di kalangan guru-guru KAFA, di kalangan guru-guru agama dan ulama-ulama yang ada di Negeri Selangor untuk mendalami dan memahami konteks pengajaran yang di buku-buku berkaitan akidah yang berkaitan dengan syariah dan juga perkara-perkara lain seperti sejarah ataupun berkaitan dengan perjalanan kehidupan masyarakat umat islam. Justeru saya juga menyambut baik cadangan wacana di mana konteks dakwah itu bukan dalam bentuk sehala sebaliknya dalam bentuk dua kali ini bagi saya rasa dapat mengurangkan beberapa pertikaian-pertikaian yang kita lihat penceramah-penceramah jemputan itu tajuknya sentiasa bebas dan dia akan menimbulkan keresahan terutamanya apabila dia terkeluar dari konteks semasa dan kadang-kadang menimbulkan kecenderungan-kecenderungan masing-masing. Namun bagi pihak Jabatan Agama Islam dan Kerajaan Negeri yang lepas kita terus menerus memberikan tauliah kepada calon-calon pilihan raya yang menang dan yang kalah dan memberi amaran supaya tidak sama sekali melibatkan isu-isu politik ataupun isu-su yang melibatkan kegelisahan di kalangan masyarakat dan komuniti di samping bagi sesiapa yang berminat mungkin ada beberapa bidang yang lain tidak hanya dalam bidang agama ataupun urusan pendetailan dan perincian agama seperti akidah syariah, faraid dan sebagainya. Kita juga ada ruangan seperti motivasi ataupun pendidikan-pendidikan hal ehwal lain yang boleh mungkin boleh dikongsikan dalam konteks penyebaran dakwah di masjid dan surau. Ada kategori-kategori tertentu, saya percaya masing-masing yang pernah terlibat sebagai pendakwah di masjid-masjid kita terlibat bersama-sama dalam beberapa kriteria ataupun beberapa kategori yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Seterusnya adalah berkenaan dengan guru-guru KAFA yang dibangkitkan boleh Sijangkang insyaallah kita sediakuntuk menilai kembali ataupun meneliti berkenaan cadangan Sijangkang dalam pentadbiran ini dan Kerajaan negeri yang sebagai mana yang dimaklumkan jumlahnya agak ramai. Sekarang pun kita ada jumlah lebih 8,000 secara keseluruhan dan mungkin angkanya bertambah dengan bilangan sekolah-sekolah agama yang ada di Negeri Selangor. Yang seterusnya saya ingin merujuk berkenaan Taman Medan iaitu berkenaan dengan Halal, Industri Halal di bawah

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Negeri Selangor sebenarnya kita telah mewujudkan Halal Internasional Selangor dan sebenarnya kita telah mewujudkan sebuah konsultasi yang kita namakan Jawatankuasa Halal Di Peringkat Negeri dan sebenarnya ini dua perkara yang kita cuba gabungkan di antara apa yang dikatakan kewajipan verifikasi halal terhadap sesuatu produk terutamanya makanan dan produk-produk yang lain dan kedua aspek komersialisme di mana peniaga-peniaga dan sebagainya. Sebab itu semasa saya memegang tampuk selaku Jawatankuasa Usahawan Negeri antara beberapa permohonan yang boleh dipohon untuk permohonan dana *usahawan mikro* satu ketika dahulu dan sampai sekarang untuk mendaftarkan di dalam industri halal ataupun di dalam konsultan untuk mendapat Halal Certification. Pada masa sekarang alhamdulillah kebetulan insan yang mengetuai Halal Internasional Selangor telah dilantik di Halal Development Corporation yang Dato' Mahmud Abbas sebelum ini bertugas di Selangor dan sekarang bertugas di peringkat pusat. Isunya isu ini agak teknikal tetapi ia harus diselaraskan. Berkenaan dengan authority agama seperti Jabatan Agama seperti JAKIM dan juga berkenaan dengan business macam mana perniagaan itu berfungsi dan sebagainya. Memang saya akui seperti Bee Has, Halal Fest itu memang kita serta malah dalam SIBS tahun ini, Selangor International Business Summit, saya meminta supaya JAIS bersama-sama. Kalau sebelum ini programnya terpisah kali ini kita minta bersama-sama dalam SIBS supaya bersama-sama di dalam program tersebut untuk menunjukkan bagaimana kriteria dan pengolahan kategori halal dapat diwujudkan. Sebenarnya, kalau ingin mendaftarkan produk-produk halal ini kalau dengan izin saya boleh dimaklumkan kosnya sangat murah. Nilainya less than RM1,000 – RM2,000. Tetapi kerana kadang-kadang orang tidak cukup faham ekosistemnya secara keseluruhan, konsultan yang melibatkan industri halal ini ataupun untuk mendapatkan halal certification ini sampai RM8,000 ke RM9,000. Begitu jauh gapnya padahal hanya perlu isi borang, tunggu masa dan sebagainya tetapi kerana orang tidak faham the whole ekosistem dengan izin untuk mendapatkan certifikasi atau verifikasi halal daripada JAIS. Di bawah JAIS negeri pada ketika ini kita mempunyai cukup prasarana yang cukup daripada segi pemantauan dan sebagainya dan kita belum mengeluarkan lesen lagi sebab lesen-lesen dan persijilan halal itu masih dikeluarkan oleh JAKIM ataupun di peringkat JAKIM. Kita ingin cuba ingin melihat supayapermudahkan tetapi tidak boleh kompromi daripada segi kriteria Standard Operating Procedure dan sebagainya supaya status halal yang dikeluarkan di Malaysia yang dipandang tinggi terus mendapat pengiktirafan yang seadilnya. Sebenarnya, memang di negara kita ini memang concern dengan izin ataupun keprihatinan kepada lesen halal ini memang sangat tinggi. Kalau kita pergi ke Mekah, kita pergi ke Saudi, kita pergi ke UAE mereka sebenarnya buat tak kisah aje fasal halal sebab mereka anggap semua itu halal. Tapi saya ingin memaklumkan di sini *lately*, sejak kebelakangan ini dua tiga tahun ini negara-negara yang saya sebut terutamanya UAE, sedang bersungguh-sungguh ingin menjadikan supaya halal sebagai salah satu daripada produk mereka. Kita sudah ada ekosistemnya yang hampir lengkap cuma bagaimana menggabungkan di antara komersialism dan juga certifikasi dan verifikasi halal. Saya nampak perkara itu dan dengan halal council yang kita tubuhkan saya nampak that is the best platform untuk menggabungkan semua kekuatan-kekuatan yang sedia ada.

Seterusnya saya juga ingin merujuk kepada apa yang disebutkan oleh Taman Medan, berkenaan dengan kursus dan sebagainya. Saya percaya pada ketika ini hasrat Kerajaan Negeri bukan hanya ingin melihat kursus mampu dianjurkan, berapa banyak pasangan ataupun individu yang mampu menghadiri kursus, tetapi kita juga sedang meneliti soal kualiti sebab itu Kerajaan Negeri menggubah program pemberian hadiah kita kepada pasangan yang berkahwin dan kita telah luluskan bukan hanya mendapat RM500, tetapi

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

mereka perlu menghadiri kursus dan selepas mereka menghadiri kursus, mereka juga akan mendapat token @ duit minyak untuk hadir ke kursus RM300. Tetapi kursus tersebut kita cuba dalam beberapa perkara, berkenaan dengan psikologi keluarga muda, bagaimana psikologi ibu mengandung, bagaimana berhadapan dengan anak kali pertama, bagaimana berdepan dengan situasi pengurusan ekonomi mikro keluarga dan sebagainya yang saya kira sangat perlu selain mencatatkan jumlah pernikahan yang paling besar di dalam negara kita juga mencatatkan jumlah penceraian di kalangan masyarakat khususnya di kalangan pasangan-pasangan muda yang paling besar. Saya ambil maklum daripada cadangan Taman Medan dan kita telah mula buat. Saya percaya dari pihak JAIS juga ada beberapa program Sakinah, Mawaddah yang telah diadakan cuma kadang-kadang kita kurang prihatin yang kita ada sekarang ini sebelum berkahwin, yang selepas berkahwin itu ada tapi ramai yang tidak nak ambil peduli, sebab itu saya nampak selepas dan sebelum berkahwin itu perlu diberikan beberapa galakan-galakan tertentu untuk menjamin institusi keluarga yang sihat di Negeri Selangor.

Saya ingin merujuk kepada Surau Jumaat. Surau Jumaat ini adalah surau-surau yang telah diberi kebenaran khusus oleh JAIS dan juga atas saranan daripada kariah atau saranan daripada masjid berkenaan di atas disebabkan oleh kekurangan ataupun kepadatan sesuatu masjid atau kariah tertentu. Namun begitu kita akan cuba melihat kembali apa cadangan tersebut termasuk menjaga kebijakan siak dan imam-imam di kawasan terbabit, namun biasanya masjid-masjid atau surau-surau Jumaat ini memang agak digemari oleh surau-surau sebab dalam masa yang sama surau-surau mereka akan dapat mencatatkan dengan izin kutipan dengan izin bukan hasrat mereka tetapi biasanya bila Jumaat itu ramai, kutipannya jauh lebih banyak daripada surau-surau biasa yang tidak menganjurkan ataupun diberi kebenaran untuk solat Jumaat.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Tuan Timbalan Speaker,

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Kota Damansara

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Saya mengucapkan terima kasih kepada YAB Sungai Tua, tentang token siak tu, kalau boleh kita minta siak saja sebab tidaklah banyak sangat dan mereka ini YAB dia kalau hari Jumaat dari pagi sampailah pukul satu. So, harap dapat pertimbangkan secara serius dari pihak Kerajaan Negeri untuk siak surau Jumaat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Kita ambil maklum dan kita akan cuba pertimbangkan cadangan daripada Kota Damansara. Banting membangkitkan tentang soal makanan vegetarian. Konsep halal bukan soal *no pork*, halal bukan tanpa babi, halal ini juga merujuk kepada banyak perkara. Dia merujuk kepada sources dan sumbernya, dan sebab itu di bawah pentadbiran kita, kita cuba untuk membuat peringkat-peringkat tertentu. Kita sedang cuba menyiapkan *paper* supaya bagaimana mendapat halal *certification* ini ada proses-proses yang perlu diikuti, kadangkala memang agak *rigid* dengan izin, kerana kita nak jamin halal punya *certificate* itu betul-betul berkualiti. Sebab itu *its not about* sayuran warna hijau, kadang-kadang kita tengok minyaknya, kadang-kadang kita lihat guna sosnya, dan semua ini ada pertimbangan dan perlu penelitian daripada pihak *authority* iaitu pihak JAIS, Bahagian Halal terutamanya untuk memeriksa. Sebab itu mereka boleh sebentar lagi tidak silap kita akan wujudkan website, di website itu boleh mendaftar terus untuk mendapatkan certifikasi halal, untuk apa yang dikata sebagai makanan sihat ataupun

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

vegetarian yang mungkin boleh mendapatkan halal certificate untuk membesarkan marketing dan pasaran mereka.

Berkenaan dengan out reach programme, saya percaya program-program ini masih ada bagaimana kita berhubungan dengan masyarakat luar di dalam masyarakat kita yang pelbagai kaum. Sebelum ini kita mengadakan beberapa pertemuan dengan beberapa paderi, mengadakan pertemuan dengan Ketua-ketua Agama, bagi agama-agama lain. Saya percaya di bidang-bidang yang lain sebagai contoh jurusan agama kita bertemu dengan Jesuit, sebagai contoh. Ini juga satu pertemuan yang saya rasa boleh mendamaikan daripada menimbulkan keresahan-keresahan tertentu dan kita bersedia untuk explore terhadap pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh pihak Banting.

Berkenaan dengan Taman Templer, iaitu berkenaan dengan pendawaian elektrik di sekolah-sekolah agama dan juga sebenarnya ia bukan hanya di sekolah-sekolah agama, saya percaya di masjid-masjid dan surau-surau kita pun banyak berdepan dengan masalah pendawaian-pendawaian elektrik ini. InsyaaAllah kita akan cuba untuk melihat. Ini isunya bukan nak ganti atau tak nak ganti, isunya adalah pemantauan bagaimana menjamin sekolah-sekolah ini selamat, dan juga masjid-masjid kita selamat. Kadang-kadang saya tengok banyak masjid-masjid kita memang tunggu untuk bulan Ramadhan, sebab apa dia tunggu bulan Ramadhan, sebab nak tunggu mungkin masuk dalam senarai yang akan dikunjungi dan mendapat ziarah daripada DYMM Tuanku. Bila DYMM Tuanku sampai masa itulah baru nak cek the whole sistem. Kadang-kadang *single phase* lagi tak sempat masuk untuk *three phase*. Saya akui hal ini dan mungkin kita boleh selaraskan dengan Tvet kita, teknikal dan kekosongan IKHTISAS kita di INSPENS supaya pemantauan yang berkala dapat diwujudkan di semua bangunan-bangunan yang di bawah kelolaan JAIS dan sebagainya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Saya ingat. Terima kasih YAB Dato' Menteri Besar. Kita hilang point di sini, point penting yang saya bawa ini ialah untuk menjadikan Selangor ataupun JAIS sebagai mesra pendakwah. Pendakwah itu bila datang ke Selangor itu, pendakwah akan rasa diraikan, tak perlu *apply*, lepas tu ditawarkan Phd daripada UK, daripada Mesir, daripada Jordan, ditawarkan untuk isi borang, UPU ataupun ditempatkan, diberikan tauliah. Jadi saya rasa ini yang *missing*, bagaimana Wakil Rakyat, not usually, ini normal di mana Wakil Rakyat mesra Al-Quran, Wakil Rakyat mesra hadis, Wakil Rakyat yang boleh menyampaikan ilmu Islam. Kalau ada mereka diraikan, jadi itu yang saya rasa *missing* di Selangor ini, kita mempunyai kawasan yang besar agama tetapi kalau ada wacana-wacana yang baru-baru nak diadakan di Selangor memang tidak dapat. Contoh ada program dan konvensyen sunnah oleh Persatuan Al-Qayyim diadakan setiap tahun. Pada 2 tahun yang lepas sambutannya yang ramai hingga ke 7,000 orang, tempat yang sesuai hanya ada di Karang Kraf. Empat khemah. Masa itu seminggu lebih sebelum program itu nak dijalankan, dapat makluman bahawa DYMM Tuanku tidak berkenan. Itu isu kita nak dedah hari ini untuk kita bincangkan betul-betul, dan apabila itu berlaku tidak ada hotel yang boleh menempatkan bilangan itu kecuali hotel hanya boleh mengambil 3,000. So, 4,000 orang telah kehilangan peluang untuk mendengar satu konvensyen dakwah. Sedangkan Perlis kecil negerinya, dia buat perkampungan sunnah. Saya pernah dijemput oleh Mufti Perlis untuk mengisi satu pengisian. Saya bukan aliran agama tapi saya ada sesuatu yang boleh memberikan sumbangan iaitu bagaimanakah satu Maqasid Syariah dilaksanakan dalam konteks penggubalan undang-undang di pembangunan di Selangor. Saya share usul saya tentang 10 tahun untuk membersihkan Selangor daripada

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

kuasa-kuasa perniagaan yang tidak berlesen. Jadi satu paper saya present dekat Perlis, Perlis dengar, Selangor ada seorang YB di Dewan Negeri Selangor membincangkan Maqasid Syariah dalam konteks medan Perniagaan umat Melayu Islam. Ini satu benda baru yang boleh saya berikan, satu *contribution*. Tapi saya mungkin tidak akan dijemput untuk bercerita di Negeri Selangor. *It will be missing the point*, jadi itulah saya harap perkara ini ditangani agar Wakil Rakyat ini dibiarkan selesa untuk menyampaikan ilmu Islam, pengalaman Islam tanpa perlu ditaliahkan, tapi nak berkongsi satu wawasan dan pemikiran. Sila beri penjelasan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Sungai Tua

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Saya kira ada beberapa pertimbangan, pertimbangan paling besar ialah pertimbangan maslahah. Pertimbangan maslahah ini harus diambil pendirian oleh pihak Jabatan agama, khususnya oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri dan badan-badan dan individu yang menjadi sumber rujukan DYYM Sultan Selangor sebagai Ketua Agama Islam dalam Negeri Selangor. Jadi konteks maslahah ini kadang-kadang mengambil perkiraan bukan konteks knowledge, ilmu, pertimbangannya, sebab kalau kita lihat, kalau saya ni bukan bidang saya ikuti agak panjang lebar semasa perkembangan sewaktu dewasa ini. Kita lihat jalur pemikiran Islam itu memang pelbagai, sebagaimana disebutkan oleh Hulu Kelang semalam. Malahan kalau ikut dalam konteks pemikiran Islam keseluruhan jalur-jalur tertentu yang dianggap terkeluar ataupun agak terpesong itu masih lagi boleh dianggap sebahagiannya masih dianggap. Itu pada pandangan setengah-setengah pandangan tetapi konteks maslahah ini untuk melihat bagaimana masyarakat itu tidak berasa dalam keadaan kegusaran dan sebagainya. Sebab itu konteks perbincangan ilmiah dan sebagainya itu ada wahanah dan ada tempatnya. Tapi yang kita bimbang kebimbangan yang kita bimbang ialah apabila konteks masuk ataupun perbincangan itu masuk didalam konteks yang tidak sesuai *audiencenya* dengan izin. Jadi pertimbangan-pertimbangan itu terpaksa diambil sikap oleh beberapa orang individu dan penasihat ini termasuk daripada beberapa kelompok-kelompok tertentu. Pihak kerajaan mengambil pendirian itu untuk menjamin kestabilan kerana bimbang ada elemen-elemen seperti takfiri, elemen-elemen seperti menuduh sesuatu sebagai bidaah, elemen-elemen sebagai menganggap ini tidak murni sebagai Islam dan sebagainya sentiasa wujud dalam perbincangan walaupun saya cukup faham tentang konteks perbincangan tersebut. Sebab itu saya bukanlah mengatakan bahawa kita harus menolak semua, kita akan raikan sebab itu kita akan mulakan bagaimana supaya konteks kita iaitu Ahli Sunnah Wal Jemaah, Aliran Syafie itu difahami sebenar-benarnya dan dilihat dalam konteks yang sebulat-bulatnya. Sebab itu bila ada pandangan-pandangan tertentu baru-baru ini terkeluar contohnya soal pemberian zakat. Ini memang agak sensitif tapi kalau lihat kepada jalur-jalur pemikiran ada pelbagai. Tapi pandangan Syafie ini memang agak jelas. Menolak zakat diberikan kepada yang bukan Islam. Zakat hanya untuk orang Islam dan 8 asnaf. Itu adalah pandangan Syafie yang tepat ataupun yang *solid* atau pun yang asas daripada pandangan berdasarkan daripada Perang Hunain sebagai contoh. Itu antara contoh-contoh yang saya sebut. Itu satu perkara Hulu Kelang, dia punya jajarannya panjang. Konteks ilmiah ini kita boleh bincangkan supaya tidak menimbulkan kekeliruan bagi saya ataupun menimbulkan kegelisahan di kalangan *public* sebab itu kita risau dengan angka besar apa entah lagi elemen-elemen yang datang bersama pemikiran itu ada stigma-stigma yang tertentu dengan izin sebagai mana kekerasan, kumpulan 'Daish' dan sebagainya. Jadi mudah *connected* itu mempermudahkan kegelisahan dan kerisauan. Saya bukan cakap kita anti *intellectual* ataupun anti ilmu tetapi konteks dan kaedah itu kita boleh buat dan bincangkan

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

aspek maslahah itu harus difikirkan oleh *degree* untuk memastikan keadaan dan kestabilan rakyat dapat dipelihara. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Sungai Tua. Ahli-ahli Yang Berhormat jadual B14 iaitu wang sejumlah RM273,806,129.20 untuk kepala B14 Jabatan Agama Islam Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B15 Jabatan Kebajikan Masyarakat RM21, 155, 720.60

**Y.B. TUAN LAU WENG :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG :** Terima kasih. Saya ingin merujuk kepada muka surat 116 B15 butiran program 505000 kod objek sebagai 11000 gaji dan upahan berkenaan dengan *staff* dan juga pengurusan pembayaran wang dan bantuan yang di saluran kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Di mana saya kebelakangan ini, saya menerima aduan daripada penerima bahawa pembayaran sejak sekian lama saya tidak pasti tetapi aduan itu tidak disampaikan saya tidak pasti. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO untuk siasat sama ada benar atau tidak pembayaran wang ini selalu lewat. Lewat sekurang-kurang selama 1 bulan dan alasan yang selalu diberikan adalah sistem. Sistem apa yang lewat saya tidak pasti dan sekiranya selalu lewat macam itu. Apakah sistem yang kita nak terus gunakan lagi sekiranya kita boleh tambah baik dan mengapa kita tidak menambahbaikkan. Jadi itu adalah sesuatu bukan masalah kebanyakan orang tetapi bagi mereka yang menerima ianya sesuatu yang sangat menyulitkan mereka. Walaupun amannya bukanlah besar tetapi mereka teramat bergantung kepada wang ini untuk menguruskan perbelanjaan harian sebagai contoh yang lewat itu selalunya untuk bulan Oktober yang lepas yang mereka terima itu adalah bantuan untuk bulan September. Iaitu bantuan untuk bulan Oktober itu akan dibayar pada pertengahan bulan November. Jadi saya tidak pasti sama ada itu adalah, saya pernah bertanya kepada pegawai bahawa sistem mempunyai masalah tetapi saya tidak tahu masalah apa. Adakah kita lewat bayar kepada JKM ataupun JKM mempunyai masalah dengan bank dan sebagainya? Itu saya memohon siasatan daripada Yang Berhormat EXCO. Sekian.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Banting. Silakan Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Terima kasih pengerusi. Vot B15 muka surat 116, 505000 Pentadbiran dan Kewangan, kod objeknya 20000 berkenaan dengan sistem juga. Saya minta supaya ada satu yang boleh menggabungkan ataupun sistem maklumat yang melibatkan ataupun diakseskan yang melibatkan JKM, eKasih, Zakat dan yang lain lagi. Sebab kadang-kadang PKM kita Pusat Khidmat kita nak berhubung dengan JKM untuk semakan sedangkan JKM sendiri pun bermasalah dengan sistem yang tidak disatukan sebab diikutkan masing-masing mempunyai sistem yang tersendiri jadi saya sarankan ada satu sistem yang boleh menghubungkan JKM dan juga

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

yang saya nyatakan tadi. Lebih mudah lagi disemak dan bantuan senang diberikan secara cepat. Yang keduanya, muka surat 117, 512000 Perkhidmatan Luar di bawah kod objek 10000. Saya mencadangkan supaya ada satu elaun kritikal terutama kepada kakitangan-kakitangan JKM sebab kakitangan-kakitangan JKM ini yang bertugas di luar yang melibatkan kadang-kadang nyawa mereka sendiri. Mereka berhubung kaitan dengan orang-orang tua, orang-orang sakit, HIV dan sebagainya lagi yang saya kira dan saya tahu tidak ada elaun kritikal jadi saya cadangkan supaya ada satu elaun kritikal kepada petugas-petugas ataupun kakitangan-kakitangan JKM yang bekerja di luar. Terima Kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Seri Setia. Dipersilakan Bukit Melawati.

**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI :** Terima kasih Timbalan Pengerusi. Butiran 51200 Perkhidmatan Luar kod objek 11000 Gaji dan Upahan. Saya ingin bangkitkan dan memberi teguran berkenaan dengan sukarelawan JKM. Ini berlaku di daerah saya, apabila berlaku bencana dan sukarelawan yang terlibat dalam proses ataupun pengurusan bencana. Pertamanya, saya ucapkan terbanyak terima kasih kepada sukarelawan yang membantu namun ada sebahagian yang membawa unsur-unsur politik di dalam Pusat Pemindahan Sementara dan ini satu yang saya lihat kurang sihat kerana mangsa-mangsa bencana sedang mengalami trauma. Dan aduan-aduan ini saya terima daripada mangsa-mangsa sendiri bukannya satu dua tetapi banyak dan ini berlaku kerana mereka tinggal hampir seminggu apabila dan apabila sukarelawan ataupun pegawai kurang berada di sana sepanjang waktu in memberikan rasa kurang selesa kepada mangsa-mangsa. Jadi saya harap ada arahan ataupun pekeliling di keluarkan supaya Pusat Pemindahan Sementara ini mestilah bebas politik, tidak boleh ada membawa mana-mana logo dalam Pusat Pemindahan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Bukit Melawati. Dipersilakan Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Terima kasih Timbalan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 117 butiran 512000 kod objek 23000 dan 26000. Saya ingin mengambil makluman berkenaan Pusat Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti Sinar Harapan Subang Bestari, Kota Damansara. Satu-satunya PPDK yang wujud di Damansara, Pusat Komuniti ini sangat aktif dalam bidang kebajikan masyarakat dan mereka ini kerap juga menghadapi masalah terutamanya peralatan diperlukan untuk aktiviti-aktiviti pertubuhan tersebut. Jadi saya harap pihak Kerajaan berikan keutamaan kepada Pertubuhan Pemulihan tersebut Sinar Harapan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Kota Damansara. Sekarang dijemput pihak Kerajaan untuk memberikan penjelasan Seri Serdang.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima Kasih Yang Berhormat Puan Pengerusi. Mengenai bayaran lambat setakat ini saya tidak menerima banyak aduan mengenai kes ini tetapi memang kalau tidak silap saya pada bulan lepas lambat turun daripada Persekutuan disebabkan oleh sistem tetapi telah diperbetulkan dan telah dijawab sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri PWKN. Saya kira sudah selesai tetapi sekiranya mereka yang mempunyai masalah yang begini silalah Yang Berhormat hubungi saya ataupun teruslah kepada pengarah Jabatan Kebajikan

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Masyarakat. Sebab saya sendiri di kawasan saya tidak menerima apa-apa aduan berkenaan kelewatan ini. Kedua, sistem maklumat yang tidak satukan memang untuk maklumat Yang Berhormat sekalian, kita ada Tuan -Tuan yang berlainan. Saya sendiri pun sudah banyak kali bercakap mengenai *part* maklumat yang disatukan dan saya fikir Kerajaan Negeri Selangor sedang mengusahakan satu sistem data yang mempunyai integrasinya tetapi kita ada kesukaran sebenarnya seperti Zakat kita tidak ada akses kalau kita nak *check* apa-apa kita kena bawa *number* ataupun nama untuk *check / periksa* dengan mereka. Mereka tidak membebaskan ataupun melepaskan maklumat yang ada daripada mereka. eKasih ada dengan ICU memang kita ada akses sekarang cuma saya bersetuju bahawa semua tidak dibuat dalam satu pangkalan data begitu memang itu menjadi rungutan saya jugalah sebenarnya. Kita banyak kali juga kemukakan *In Sha Allah* saya *follow - up* lagi isu ini sebab Persekutuan dengan Negeri itu agak berlainanlah. Zakat tidak ada satu pangkalan data. Hanya eKasih ini sebagai satu pangkalan data yang menyenaraikan mereka yang miskin tegar dan tegar. Di situ, juga bukan tempat untuk bukan ada saluran diberi bantuan eKasih cuma eKasih ini digunakan oleh Zakat, digunakan oleh NGO – NGO dan kita juga sekarang menggunakan eKasih ini sebagai pangkalan data untuk melihat mereka yang layak dan betul-betul layak untuk menerima bantuan-bantuan. Mengenai elaun kritikal kakitangan JKM yang kerja di luar yang ini saya akan membawa kepada JKM juga kerana ini saya tidak pasti bahawa setahu saya Yang Berhormat sebut ketiadaan elaun kritikal. Saya akan bawakan perkara ini KPWKN kerana ini di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Mengenai perkhidmatan sukarelawan JKM, setahu saya sukarelawan JKM yang berdaftar dengan JKM memang tidak memakai apa-apa logo atau parti mungkin Yang Berhormat merujuk kepada sukarelawan NGO- NGO lain yang mungkin datang ke pusat-pusat pemindahan. Kita akan memastikan dan memberi mereka peringatan ini.

**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI :** Yang saya maksudkan memang sukarelawan JKM yang berpakaian *vest* JKM. Memang pun berlaku dan saya pun telah memberi teguran kepada pengarah sendiri dan perkara ini *viral* jadi ini tidak dilihat tidak elok kepada Kerajaan kerana mereka seharusnya bertindak sebagai Kerajaan kerana memakai *vest* Kerajaan ataupun Jabatan.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Memakai *vest* JKM? Ok. Baik. Kalau begitu kita akan berhati-hati kalau ada laporan,nama dan sebagainya tetapi kalau dia memakai *vest* JKM, saya kira JKM mengenali mereka sebagai sukarelawan mereka. Seterusnya mengenai PPDK, untuk makluman semua PPDK adalah pertubuhan pemulihan dalam komuniti memang semua PPDK adalah NGO. Asalnya memang ditubuhkan di bawah JKM tetapi semuanya sudah menjadi NGO dan pada awal tahun ini sebenarnya Kerajaan Negeri memberikan RM10,000 setiap PPDK di seluruh Negeri Selangor ada 6 PPDK dan memanglah dari segi kewangan kebanyakan PPDK memang kena mencari dana sendiri. Mereka menganjurkan beberapa program Kerajaan dan Kerajaan Pusat memberi elaun kepada penyelia dan juga kepada petugas dan kemudiannya untuk melaksanakan aktiviti itu memang PPDK perlu mencari kewangan. Jadi kita faham tentang kekurangan ini dan saya cuba lagi tengok banyak mana kita boleh tolong mereka dari tahun ke tahunlah, kita tidak ada bulanan begitu kepada mereka. Ya. Saya ingat itu sahaja tadi soalan-soalan yang telah disampaikan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Seri Serdang. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, jadual B15 iaitu wang sejumlah RM21,155,720.60 untuk kepala B15,

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B16, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, RM9,364,991.70.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat, Jadual B16 iaitu wang sejumlah RM9,364,991.70 untuk kepala B16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B17, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, RM14,785,278.70.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Yang Berhormat Meru.

**Y.B. TUAN MOHD. FAKHRULRAZI BIN MOHD. MOKHTAR :** Ya, terima kasih kepada Y.B. Tuan Timbalan Speaker. Saya nak menyentuh tentang 53200, Veterinar Daerah. Ya baik berkaitan dengan 29000 muka surat 126 perkhidmatan Ikhtisas dan perkhidmatan yang lain yang dibeli, antara pemasaran besar kalau di Daerah Klang khususnya di Meru dan Sementa adalah berkaitan dengan masalah lembu liar, saya nak tengok langsung tidak terurus, dan membahayakan penduduk. Jadi mungkin ada peruntukan khusus untuk buat pemindahan ini, saya tak nampak ada peruntukan khusus tentang pemindahan ini, sebab saya difahamkan kalau pemindahan itu ia dibawa lembu-lembu ini ke Olak Lempit kalau tak silap, Olak Lempit, awat EXCO gelak pula ni? Tak kena ke soalan, ye ke? Tak apalah, ambil kesempatan teruslah kat situ kan? Jadi mungkin orang kata boleh difikirkan juga tempat yang boleh dia pergi untuk memastikan permasalahan ini boleh diselesaikan. Sebab dia bukan sahaja membahayakan masyarakat tapi mengotorkan persekitaran di tempat itu. Sekian. Minta maaflah kalau kurang ni, budak baru belajar.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dijemput daripada pihak kerajaan untuk membuat penjelasan.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Pendek jelah yang kalau berkaitan dengan.... terima kasih Puan Pengerusi dan Y.B. Meru. Berhubung dengan aspek perpindahan ini, dan lembu-lembu rayau ini, saya dah sebut semalam dalam penggulungan itu kita memang menyediakan translokasi itu, yang tepi itu lebih berkait dengan pembangunan. Jadi memang kita dalam proses tentulah bukannya mudah kerana banyak saya dah sebut lima ribu ekor lebih, mungkin bertambahlah membiaknya. Jadi 82 yang dah kita buat bancian itu ada 82 seluruh Selangor lembu rayau ini, lembu rayau ada kerbau rayau ada, yang tak ada suami rayau belum ada.

(Dewan riuh)

Jadi memang kita akan saya dah minta Veterinar empat tahun pelan perancangan untuk berperingkat-peringkat, sebab kita akan melibatkan juga mengenal pasti tanah yang sesuai untuk kita membuat translokasi, di Olak Lempit hanya ada 20 lot sahaja, sekarang ini 10,

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

kita tambah lagi 10 untuk 20 lot, setiap lot itu 5 ekar. Jadi akan bermulalah perpindahan ini pada bulan Mac di Olak Lempit, tapi yang lain itu akan dibuat berperingkat-peringkat dan kita akan juga buat di tempat lainlah, dan lebih dekat sebab kadang-kadang mereka ini liat tak nak pindah. Itu yang menjadi satu isu lagi kepada kita, kita akan usahakan. Tapi yang pentingnya kita ada perancangan untuk menempatkan semua dan kita tak mahu dengar lagi lembu pergi 'shopping' di 'supermarket', lembu pergi merawat lagi di hospital, kita tak mahu dengar lagi perkataan-perkataan ini di dalam tiga empat tahun yang akan datang. In sha Allah.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Tuan Timbalan Speaker, saya berkenaan dengan lembu ini juga di Kota Damansara, kita kan ada isu aduan rakyat baru-baru ini, saya tak tahu, Olak Lempit ini sudah bersedia untuk terima ke semua lembu pindah ke sana, sebab mereka ini tak nak pindah, jadi apa tindakan pengurusan seterusnya untuk mereka ini supaya mereka, dia ganggu rakyat, bau busuk dan sebagainya. Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Sebagaimana yang saya sebut berkaitan juga dengan isu setinggan di Sungai Kedondong dan sebagainya kita akan bagi alternatif kita buat tawaran saya bagi contoh macam di Elmina ini, 'highway' dia punya jalan empat lorong itu dah siap, dah dua bulan tapi penduduk tak boleh pakai, sesak di situ, penduduk tak boleh pakai sebab kerbau ini, dia bila tidor kat jalan tu, satu kulit, serupa, memang akan berlaku kemalangan, di Paya Jaras juga, Paya Jaras lagi. Dia kalau isu-isu pencerobohan itu banyak di Paya Jaras.

(Dewan riuh)

Mungkin kita cadangkan satu EXCO, mungkin Yang Amat Berhormat boleh pertimbangkan EXCO Pencerobohan, satu lagi. Jadi, kita telah bincang dan pihak Sime Darby pun minta supaya dilaksanakan, jadi kita dah tawarkan kepada mereka, mereka tak mahu, jadi kita akan ambil tindakan penguatkuasaan, kerana melibatkan beratusan ekor lembu situ, dan kerbau dan apa yang kita buat adalah kita telah pun kenal pasti kandang yang sesuai, kita adakan kandang dahulu, baru boleh buat penguatkuasaan, kalau tidak nak letak mana lembu ni? Jadi kandang dah ada dan kita akan buat dalam masa terdekat penguatkuasaan ini, untuk menyelesaikan isu ini. Dan begitu juga yang lain-lain kita akan ambil, kita akan bagi alternatif tempat kalau dalam masa, sekian masa, tak juga mahu buat perpindahan ini, maka kita akan ambil tindakannya bagi kepentingan umum. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Pandan Indah. Jadual B17 iaitu wang sejumlah RM14,785,278.70 untuk kepala B17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjadi sebahagian dalam jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B18, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling. RM14,880,766.50.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Timbalan Pengurus, nak tanya sikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Kota Damansara.

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Muka surat 132 ini berkaitan dengan Timbalan, Pegawai Daerah, sekarang ini Petaling tak ada Pegawai Daerah, jadi saya dah dengar aduan daripada rakyat ada dokumen-dokumen tertentu yang tertangguh kerana tidak ada tandatangan. Jadi apa penyelesaian kepada Pegawai Daerah Petaling.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ok. Kita jemput pihak kerajaan untuk memberikan penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Penyelesaiannya kita akan lantik Pegawai Daerah dan sedang dalam proses dan kita akan lantik, sedang tunggu penjelasan dari JPA, sebab ada beberapa proses dan pengesahan ini, biasa, sampai sekarang Hulu Langat tidak ada D.O., (Pegawai Daerah), tapi masih boleh berjalan sebab ada yang memangku tugas, Ketua Pegawai Daerah, CADO akan memangku tugas sementara untuk penyelesaian beberapa kertas-kertas dan sebagainya. Saya rasa alasan-alasan tak ada Pegawai Daerah itu tak boleh dijadikan alasan. Tapi kaedah kita sedarlah kita akan ganti, dah ada penggantinya pun, tunggu masa kita akan umumkan, selepas mendapat pengesahan JPA kerana semua pegawai-pegawai ini adalah pegawai-pegawai PTD yang mana kita perlu dapat pelepasan daripada pihak persekutuan.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Mohon penjelasan Tuan Timbalan Pengerusi. Jadi siapa yang memangku Pegawai Daerah Petaling sekarang.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Ketua Penolong Pegawai Daerah Tanah, itulah yang akan memangku tugas-tugas sekarang. Ini biasa, kalau dia tak ada maknanya yang dipanggil CADO tanah, itulah yang akan 'lead' sebab tanah adalah urusan yang paling besar di pejabat-pejabat daerah. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat, Jadual B18 iaitu wang sejumlah RM14,880,766.50 untuk kepala B18 Pejabat Daerah Tanah dan Petaling menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B19, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, RM13,843,97.20.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat, Jadual B19 iaitu wang sejumlah RM13,843,97.20 untuk kepala B19, Pejabat Daerah Tanah dan Petaling menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

Dipersetujui.

**SETIAUSAHA :** Jadual B20, Pejabat Daerah dan Tanah Klang, RM14,139,758.60.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Muka surat vot B20 muka surat 140. Butiran aktiviti 505000, khidmat pengurusan, 111000

## **8 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)**

gaji dan upahan, saya mohon pihak Kerajaan Negeri untuk menimbangkan supaya memikirkan untuk menambahkan petugas penguatkuasa di kawasan Pejabat Daerah Dan Tanah Klang sebab kita tengok sekarang ini terlampau banyak kes-kes pencerobohan tanah kerajaan terutama sekali di kawasan-kawasan persisiran pantai seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat EXCO Kajang semalam mengatakan bahawa tugas untuk memantau dan menguatkuasakan pencerobohan tanah-tanah kerajaan ini adalah di bawah tugas Pejabat Daerah dan Tanah Klang, jadi ada banyak kawasan-kawasan di Daerah Klang, tanah-tanah kerajaan diceroboh terutama sekali diceroboh oleh mereka yang membuang sampah-sampah sisa plastik dan terlampau banyak sekarang ini dan akhirnya tanah-tanah kerajaan ini tidak ada siapa pun nak ambil nak bersihkan dan siapakah yang tanggungjawab untuk mengambil tindakan. Jadi saya harap pihak Kerajaan Negeri boleh memikirkan untuk berbincang dengan Pejabat Tanah dan Daerah Klang, keluasan seluas 500km persegi, populasi penduduk 1.4 juta orang, penguat kuasa yang sedikit itu mana tentu mana boleh nak menjaga atau pun nak menguatkuasakan undang-undang tanah di daerah Klang. Jadi saya mohon mencadang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Pelabuhan Klang. Dijemput pihak kerajaan untuk memberikan penjelasan satu minit dua saat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Yang Berhormat sekalian, In Sha Allah kita akan ambil maklum perkara tersebut dan memangnya tahun 2020 dan ke atas ini kerajaan akan lebih tegas untuk mengambil tindakan terhadap pencerobohan-pencerobohan ini termasuk merampas, bukan merampas, tanah-tanah ini adalah tanah kerajaan, termasuk kilang-kilang haram dan sebagainya yang saya sebutkan. In Sha Allah kita akan buat, tapi saya perlukan sokongan semua. Jangan waktu roboh esok semua 'contact' saya balik untuk tangguh. Ini perkara yang kita kena ambil, kita kena hadapi bersama dan hadapinya dengan senyuman. Dah 4.30 ya Yang Berhormat. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Sungai Tua. Jadi kita habiskan untuk B20. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jadual B20 iaitu wang sejumlah RM14,139,758.60 untuk kepala B20 Pejabat Daerah dan Tanah Klang jadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dewan perlu bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 4.30 petang. Dengan ini saya menangguhkan sesi perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2020 sehingga hari Isnin 11 November 2019 bermula jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 4.30 PETANG)**